



ARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
P ARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARIRABU: 14 APRIL 2010

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 70)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DR HAJI -DZULKEFLY BIN AHMAD
	(KUALA SELANGOR)
TARIKH	14.04.2010 (RABU)
NO SOALAN	10

DR HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah Bahagian Penguatkuasa Kementerian KPDKKK memantau kenaikan beberapa barang, antaranya kacang dal malavi, kacang hijau, bawang putih dan gula perang yang telah naik antara 50 hingga 140 peratus sejak empat bulan lepas seperti yang didakwa oleh laporan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga bawang putih, kacang dal malavi, kacang hijau dan gula merah telah dilaporkan berlaku sekitar Mei hingga September 2009 di mana berlaku kenaikan harga antara 50 hingga 140 peratus.

Antara faktor-faktor kenaikan harga Bawang Putih (China) adalah disebabkan oleh hasil tanaman yang kurang di kawasan penanaman utama. Pada musim tuaian kali ini hasil tanaman telah berkurang sebanyak 40 peratus dari hasil tanaman biasa. Petani di Republik Rakyat China telah mengurangkan kuantiti tanaman kerana tidak mahu terus menanggung kerugian kerana harga jualan yang rendah pada tahun lepas. Petani di sana juga telah menuai lebih awal kerana risau kualiti tanaman akan merosot. Harga import terkini bawang putih yang diterima oleh pengimport adalah dalam lingkungan USD1,300/metrik tan bersamaan RM4.60/kilogram. Oleh kerana peningkatan harga di pasaran oleh pengeksport, harga jualan borong bawang putih (China) pada masa kini dijual sehingga RM5.50/kilogram.

Harga Kacang Dal Malavi (India) yang dijual oleh pengeksport di India telah mula meningkat sejak bulan September 2009 dan dijual pada harga USD1.000 setan metrik. Namun disebabkan faktor cuaca di kawasan penanaman telah mengakibatkan kualiti hasil tuaian merosot. Fenomena ini telah mengganggu bekalan di pasaran dan merupakan faktor harga kacang dal malavi meningkat sehingga USD1.500 setan metrik pada bulan Disember 2009 sehingga Januari 2010. Harga import terkini kacang dal malavi yang diterima oleh pengimport adalah dalam lingkungan USD1,700/metrik tan bersamaan RM6.00/kilogram. Harga jualan borong terkini adalah antara RM6.50/kilogram sehingga RM7.00/kilogram.

Kenaikan harga Kacang Hijau berlaku kerana bekalan hanya diperoleh dari Myanmar dan Thailand setelah bekalan dari Negara China terputus disebabkan musim sejuk di sana. Harga import kacang hijau pada bulan Mei 2009 adalah USD790 per tan. Harga import terkini yang diterima oleh pengimport adalah dalam

lingkungan USD1.200 hingga USD1.300 per tan bersamaan RM4.20 hingga RM4.50 sekilogram. Harga jualan borong terkini adalah antara RM5.00 hingga RM6.00 sekilogram.

Harga import gula merah/perang adalah dalam lingkungan USD450 hingga USD550 /metrik tan bersamaan RM1.55 hingga RM1.90 sekilogram. Harga jualan borong terkini adalah antara RM2.50 hingga RM3.00 sekilogram. Perubahan harga yang berlaku di pasaran adalah amat bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran di dalam pasaran dan kadar tukaran wang asing. Tiada sebarang sekatan import atau Approve Permit (AP) diperlukan bagi mengimport barang yang dinyatakan.

Harga bawang putih, kacang dal, kacang hijau dan gula merah di pantau melalui Skim Pemantauan Harga (SPH) yang melibatkan 563 jenis barang dan 70 jenis perkhidmatan. Sekiranya didapati ada perubahan mendadak pada Indeks Harga ke atas 633 jenis barang dan perkhidmatan tersebut, siasatan ke atas pengeluar, pengilang, pengimport dan pemborong akan dijalankan bagi mendapatkan maklumat berhubung kenaikan harga berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Soalan No: 11

SOALAN

BAGI JAWAB LISAN

DARI PADA : TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

T ARIKH

14

APRIL 2010 (Rabu)

SOALAN

11

Tuan Teng Boon Soon minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan kenderaan bermasalah seperti Toyota, Honda dan Peugeot yang dipasarkan di Malaysia selamat digunakan di jalan raya Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah meminta pengeluar kenderaan-kenderaan model Toyota, Honda dan Peugeot untuk mengemukakan surat pengesahan sama ada model-model yang dipasarkan di Malaysia terlibat atau tidak dengan masalah teknikal kenderan seperimana yang dihadapi di Amerika Syarikat dan Eropah.

Setakat ini, pihak UMW Toyota telah mengenalpasti 92 buah kenderaan Toyota Prius yang perlu ditarik balik. Daripada jumlah itu, 36 buah kenderaan masih belum terjual, manakala 56 buah telah hadir ke pusat servis Toyota bermula 5 Februari 2010 sehingga akhir bulan Februari 2010 untuk pemeriksaan lanjut.

Kesemua pemilik telah hadir untuk tujuan pembaikan dan kerosakan teknikal telahpun dibaikpulih.

Pihak Honda Malaysia pula telah memaklumkan JPJ terdapat 2 model yang terlibat dalam masalah teknikal iaitu Honda City tahun 2008 dan Honda Jazz tahun 2003 dan jumlah yang terlibat adalah sebanyak 16,000 unit. Pihak Honda telah mengeluarkan surat pemberitahuan bermula 16 Mac 2010 kepada pemilik kenderaan yang terbabit untuk hadir membuat pemeriksaan di pusat servis bertauiiyah yang berdekatan untuk dibaikpulih *switch power window* secara percuma. Proses pembaikpulihan masih dijalankan oleh Honda. Manakala bagi kenderaan Peugeot yang diedarkan oleh Naza Motor, pihaknya telah memaklumkan bahawa tidak ada kenderaan jenis ini yang terlibat dalam penarikan balik.

DEWAN RAKYAT

MALAYSIA PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA
TONG HIM [KOTA MELAKA]

:TUAN SIM

TARIKH : 14 APRIL 2010

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) Jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Negeri Melaka untuk projek mencegah banjir kilat dan menaik taraf sistem perparitan.; dan
- (b) Jenis projek dan kawasan yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memperuntukkan sebanyak RM32.47 juta (harga kontrak) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi pelaksanaan projek Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 1. 2

SOALAN NO.: 12

Selain itu, sebanyak RM15 juta juga telah diperuntukkan bagi membiayai kos pengambilanbalik tanah bagi Fasa 1 projek tersebut.

Setakat ini kemajuan kerja Fasa 1 adalah sebanyak 86% dan projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2010.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Fasa 1 tersebut melibatkan tiga (3) komponen seperti berikut:

- i. Menaiktaraf sistem saliran;
- ii. Pembinaan kolam takungan; dan
- iii. Pembinaan rumah pam.

Pelaksanaan projek Fasa 1 meliputi tujuh (7) kawasan seperti berikut:

- i. Kg. Chetty;
- ii. Jalan Pandan ke Limbongan;
- iii. Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka ke Taman Peringgit Jaya;
- iv. Stesyen Minyak Bukit Katil dan Kolam Takungan di sekitar Taman Merak Mas Bukit Katil;
- v. Taman Setiakawan ke Persimpangan Jalan Tun Razak/ Bukit Piatu dan Kg. Bukit Baru;
- vi. Taman Sentosa, Bukit Baru dan sekitar Taman Bukit Melaka/Bukit Beruang Melaka; dan
- vii. Tangga Batu (berkaitan projek MINDEF sehingga ke Sungai Udang).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

DARI PADA

**Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI
AMAT WASALI @
AHMAD (SIPITANG)**

SOALAN

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI @ AHMAD (SIPITANG)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan terbengkalai yang sudah dipulihkan sehingga kini dan pecahannya mengikut kategori dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2010, terdapat

sebanyak 30 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung Malaysia yang telah siap dan diselesaikan. Pecahan projek mengikut kategori dan negeri adalah seperti berikut:-

Bi 1	Negeri	^ Bilangan ; \\\ Projek	Kategori Projek (berdasarkan kos)			
			Rendah	Sederh aria.	Tinggi	Bercampur
1	Johor	11	1		2	8
2	Melaka	5	1	1	1	2
3	Selangor	2		1		1
4	Pahang	3	1	1		1
5	W.Pers.	2			2	
6	P. Pinang	3		1	1	1
7	Perak	1		1		
8	N. 9	2		1		1
9	Kedah	1			1	

Nota:-

- (a) Kos rendah : RM42.000 dan ke bawah
- (b) Kos sederhana : RM43.000 sehingga RM100,000
- (c) Kos tinggi: RM100,000 dan ke atas

- (d) Bercampur: Merangkumi kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi. Walau bagaimanapun, kebanyakannya jenis rumah dalam projek ini adalah kos rendah dan kos sederhana.

SOALAN(13)

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

NO. AUM : 26

NO.AUP: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN

[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH 14 APRIL 2010

RUJUKAN 2482

SOALAN:

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramaikah warganegara asing yang telah diberi Visa Pelawat VOA semenjak 2005 - 2009, nyatakan secara terperinci mengikut negeri dan bangsa dan berapa ramaikah yang hilang bila sampai tempohnya dan apakah jenis tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kemudahan Visa Semasa Ketibaan atau Visa On Arrival (VOA) telah mula diperkenalkan sejak September 2006 sehingga kini dengan tujuan untuk memudahkan kemasukan warga asing

bagi menggalakkan industri pelancongan di Malaysia. Pada tahun 2006, sebanyak 32,108 VOA telah dikeluarkan diikuti dengan 136,574 pada tahun 2007, sebanyak 88,863 pada tahun 2008 dan 22,332 pada tahun 2009.

Secara purata, sepanjang tempoh pelaksanaan VOA, India mendahului senarai dengan jumlah pengeluaran sebanyak 128,988 diikuti dengan negara Pakistan sebanyak 50,841, negara China sebanyak 41,611, Bangladesh sebanyak 27,253 dan negara Sri Lanka sebanyak 18,741.

Perangkaan Jabatan Imigresen Malaysia bagi tempoh 2007 hingga 2009 mendapati sejumlah 25,862 pemegang VOA tinggal lebih masa daripada tempoh yang dibenarkan. Lima negara tertinggi dalam senarai statistik tinggal lebih masa bagi tempoh 2007 sehingga 2009 adalah India 11,692 diikuti dengan Pakistan 4,263, Bangladesh sebanyak 3,691, China sebanyak 2,402 dan Sri Lanka sebanyak 1,697.

Tindakan yang boleh diambil terhadap warganegara asing yang melanggar peruntukan Akta Imigresen 1959/63, seperti tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh Pas yang dikeluarkan (iaitu kesalahan

di bawah Seksyen 15(4)) adalah samada mendakwa mereka dihadapkan pada mahkamah atau dikenakan kompaun.

NO. SOALAN : 15

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN TARIKH

DARI PADA

LISAN

SOALAN : **14 April 2010 [Rabu]**

Datuk Haji Baharum bin Mohamed
YB Datuk Haji Baharum [Sekijang] bin
Mohamed [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan
perkhidmatan Tabung Haji Malaysia kepada Jemaah Haji Malaysia
dikatakan salah satu yang terbaik, sejauh manakah kenyataan ini
dapat dipertahankan.

JAWAPAN: (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom
(B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai pihak
telah mengiktiraf perkhidmatan Lembaga Tabong Haji (*TH*) adalah
antara yang terbaik, termasuk Kerajaan Arab Saudi. Sehubungan itu,
antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh *TH* bagi memastikan

NO. SOALAN : 15

perkhidmatannya sentiasa relevan dan diterima baik jemaah haji Malaysia adalah seperti berikut:-

- 1. memperkemaskan urusan bimbingan jemaah haji supaya mereka dapat melaksanakan ibadah haji dengan betul tanpa sebarang perbuatan yang boleh merosakkan kerja haji itu serta dapat melahirkan sifat-sifat yang terpuji yang sesuai dengan status mereka sebagai jemaah haji (tetamu Allah);**
- 2. meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada jemaah haji melalui pasukan petugas yang mesra, cekap dan bermaklumat serta kemantapan sistem dan proses kerja yang sentiasa disemak dan dikemaskini;**
- 3. membangunkan keupayaan agensi pelancongan yang dilesenkan sebagai Pengelola Jemaah Haji supaya menjadi sebahagian daripada perkhidmatan pengurusan haji Malaysia yang cemerlang;**
- 4. mendapatkan bangunan penginapan jemaah haji yang memenuhi citarasa jemaah haji Malaysia pada harga yang mampu dibayar melalui usahasama dengan pemaju/ pemilik hartanah yang berwibawa; dan**
- 5. menyelaras perkhidmatan penerbangan haji yang berupaya memenuhi keperluan jemaah haji dan operasi haji.**

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO'

SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR**

[JERAI]

TARIKH **14 APRIL 2010**

SOALAN

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit kencing manis yang direkodkan dua bulan selepas kenaikan harga gula di pasaran negara awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kehadiran pesakit diabetes ke klinik kesihatan Kementerian Kesihatan di seluruh Malaysia menunjukkan tren peningkatan, dari 1,863,286 orang pada tahun 2007, meningkat ke 2,044,849 orang pada tahun 2008 dan 2,123,745 pada tahun 2009.

Pengurangan bilangan atau prevalen pesakit diabetes di Malaysia adalah dipengaruhi oleh banyak faktor. Jika kita melihat kepada kejayaan beberapa negara maju dalam menangani beban penyakit kronik tidak berjangkit di negara mereka, sebarang program dan aktiviti yang berjaya untuk mencegah kejadian diabetes hanya akan menunjukkan impak pengurangan bilangan pesakit diabetes selepas tempoh 10 hingga 15 tahun.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa pengambilan gula secara berlebihan tidak menyebabkan diabetes secara langsung. Ini adalah kerana diabetes disebabkan oleh kekurangan insulin dan juga rintangan terhadap insulin (atau *insulin resistance*).

Pengambilan gula yang berlebihan menyumbang kepada pengambilan kalori yang berlebihan. Ini seterusnya mengakibatkan terjadinya berlebihan berat badan dan obesiti. Individu yang berlebihan berat badan dan obesiti mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat diabetes.

Oleh yang demikian, pengumuman kenaikan harga gula yang baru dua bulan dilaksanakan tidak akan menunjukkan kaitan yang terus dengan peningkatan atau penurunan kes diabetes secara serta merta. Sebarang kajian hanya akan menunjukkan keputusan yang sah (atau *valid*) selepas jangkamasa 10 hingga 15 tahun. Impak tidak boleh diketahui dalam masa dua bulan sahaja.

/

AM:

NO.AUM : 44

NO. AUP : i T

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [
TARIKH BATANG SADONG]
RUJUKAN 14 APRIL 2010 2483

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan agar pegawai polis yang terlibat dalam menangani kes mangsa dera kanak-kanak mempunyai kemahiran menangani mangsa-mangsa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batang Sadong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, PDRM sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai polis dalam menangani kes-kes jenayah termasuk penderaan terhadap kanak-kanak. Usaha-usaha ini dibuat melalui iatihan, kursus, bengkel dan seminar yang dijalankan secara berterusan.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi pegawai-pegawai penyiasat (10) yang baru, selain kursus penyiasatan, mereka juga diberikan pendedahan bagi mengendalikan mangsa-mangsa penderaan kanak-kanak. Bagi pegawai-pegawai yang ditempatkan di Bahagian Siasatan Seksual Dan Penderaan Kanak-Kanak (D11), mereka diberikan kursus penyiasatan khas dari semasa ke semasa berkaitan pengendalian mangsa-mangsa penderaan kanak-kanak. Antara modul-modul yang diterapkan di dalam kursus khas ini ialah kaunseling dan psikologi kanak-kanak, undang-undang dan hak asasi berkaitan kanak-kanak serta pendekatan dalam mengambil keterangan dari mangsa.
Tuan Yang DiPertua,

Selain dari itu, bengkel dan seminar juga diadakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	14 APRIL 2010 (RABU)
DARI PADA	Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

SOALAN

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam semangat rakyat didahuluikan apakah usaha Kementerian dalam membantu Kerajaan Negeri Kedah untuk menyelesaikan masalah penduduk 'transit' Flat Paya Nahul, dimana penduduk ini adalah setinggan yang dipindahkan sejak 12 tahun dahulu dari kampung-kampung di tepi sungai, Sungai Petani Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan sebanyak dua (2) projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa di PPR Paya Nahu, Sungai Petani (1,472 unit) dan PPR Kuah, Langkawi (422 unit).

Berdasarkan laporan daripada Kerajaan Negeri, masih terdapat kekosongan sebanyak 72 unit di PPR Paya Nahu, Sg. Petani. Walau bagaimanapun, KPKT akan mempertimbangkan pelaksanaan projek PPR di seluruh negara berdasarkan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) masing-masing. Kementerian

Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARI PADA
TARIKH
SOALAN**

**JAWAB LISAN DATUK JUSLIE
BIN AJIROL
14 APRIL 2010 (RABU)
NO.19**

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha mentadbir universiti-universiti tempatan sebagai entiti perniagaan dengan menubuhkan Unit Strategik Perniagaan (SBU) boleh menjadi prinsip entiti yang bergerak secara autonomi untuk menjana pendapatan kepada sesebuah universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPTA sememangnya digalakkan berdikari mencari sumber kewangan sendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Pada masa ini, IPTA memperoleh sumber pendapatan melalui geran kerajaan di samping pendapatan dalaman seperti bayaran yuran pelajar, keuntungan simpanan tetap, sewaan, yuran penginapan, keuntungan pelaburan, hasil program akademik dan operasi hospital.

KPT telah memberi kebenaran dan menggalakkan IPTA menubuhkan syarikat induk dan anak syarikat sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan. Peruntukan seksyen 4A, jadual pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU 1971) memberi kuasa kepada IPTA untuk menubuhkan syarikat, membuat penyertaan ekuiti, perkongsian, usahasama dan apa jua bentuk kerjasama bagi aktiviti akademik dan penyelidikan di universiti. Peruntukan tersebut akan membolehkan entiti komersial diwujudkan oleh IPTA bagi mengembangkan peranan serta aktivitinya dengan lebih berkesan di sektor komersial.

|

Di dalam usaha IPT mengambil inisiatif menjana pendapatan dalaman sendiri, kementerian akan memastikan pelaksanaannya dilakukan secara berhemah tanpa menjelaskan fungsi murni IPT sebagai pusat kecemerlangan akademik. Peraturan- peraturan dan syarat-syarat tertentu akan dilihat agar ianya tidak menjadi penyekat kepada IPTA untuk melaksanakan program bagi menjana pendapatan mereka sendiri. Setakat ini, telah tedapat beberapa IPTA yang berupaya menjana pendapatan dalaman yang menyumbang 30% atau lebih kepada perbelanjaan operasi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

DARI PADA

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR
DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)

SOALAN

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pengurusan di Rumah Pangsa Kos Rendah, Taman Pertama, Ipoh.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan atau pelan bagi mengatasi masalah pengurusan di Taman Pertama Ipoh adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Walau bagaimanapun berpandukan dengan Akta yang sedia ada, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh Badan Pengurusan sendiri ataupun Pesuruhjaya Bangunan seperti '*writ of summon*', sita dan lelong dan pendakwaan di mahkamah bagi tujuan mendapatkan caj penyenggaraan atau hutang yang tertunggak.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2010

Soalan No : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

TARIKH : 14.04.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang terjadi dengan rancangan Kementerian untuk mendirikan sekolah rendah baru di kawasan Tong Nibong iaitu S.K. Triang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan masalah dan keperluan yang dihadapi penduduk setempat. Sehubungan itu, satu projek tambahan bilik darjah, rumah guru, dan asrama sedang dilaksanakan di SK Telagus Jeruk bagi menampung keperluan murid dan guru di kawasan tersebut. Bagi pembinaan sekolah S.K Triang, KPM telah mencadangkan pembinaan sekolah tersebut dimasukkan di dalam senarai RMKe-10.

Rim 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN(22)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

DARI PADA

**Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

SOALAN

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan seperti mana yang pernah dilaksanakan dahulu memandangkan kebanyakannya ahli majlis yang dilantik tidak dapat menjalankan tugas dengan cekap kerana bukan dilantik oleh penduduk di atas kemampuan mereka serta adakah Kerajaan berhasrat menyelaraskannya untuk semua negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Pilihanraya Kerajaan Tempatan diadakan antara lain, adalah untuk memilih ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang berkelayakan dan berkemampuan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing di seluruh Semenanjung Malaysia. Ordinan Kerajaan Tempatan bagi Negeri Sabah dan Sarawak walau bagaimanapun tidak memperuntukkan sebarang seksyen mengenai pilihanraya berkenaan.

Seksyen 10 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) telah menggariskan ciri-ciri ahli Majlis yang boleh dilantik seperti berikut:

- I. hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka;

- II. orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan PBT itu;
- III. pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan; atau
- IV. memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesi, perdagangan atau perindustrian; atau
- V. mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam PBT itu

Seksyen 10(2) Akta 171 telahpun memberikan garis panduan yang jelas kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik individu yang bukan sahaja **berpengalaman** dalam hal ehwal kerajaan tempatan malahan individu yang pada pertimbangan Kerajaan Negeri **berjaya dalam profesion masing-masing**. Ini adalah bertujuan supaya ahli majlis berkenaan dapat menyumbang secara signifikan dalam pembangunan kawasan PBT masing-masing disamping menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Menyedari bahawa negara kita berbilang kaum, ras, budaya dan agama, Kerajaan Negeri juga dibolehkan melantik ahli Majlis dari kaum-kaum tertentu dengan tujuan memastikan kepentingan kaum-kaum berkenaan terpelihara. Oleh yang demikian, sekiranya pada pandangan Pihak Berkuasa Negeri, ahli-ahli majlis yang dilantik oleh mereka sendiri tidak dapat menjalankan tugas dengan cekap seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Kuantan, Kerajaan Negeri boleh menggantikan ahli-ahli majlis berkenaan dengan mereka yang lebih berkelayakan dan berkemampuan setelah tempoh lantikan tamat. Ini adalah kerana kuasa melantik ahli-ahli Majlis terletak didalam Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.

Dalam nada yang sama, saya ingin mengulangi bahawa, setakat ini Kerajaan tidak

berhasrat untuk meminda Seksyen 15 Akta 171 atas faktor-faktor keselamatan dan kewangan. Mengenai dakwaan bahawa ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak secekap yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya, ingin dinyatakan bahawa pemilihan melalui pilihanraya bukanlah satu jaminan bahawa ahli Majlis yang dipilih akan menjadi lebih cekap dan berpengalaman dalam hal ehwal kerajaan tempatan. Kecekapan Ahli Majlis dan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mapan, keseragaman undang-undang dan peraturan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan dan sebagainya.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

SOALAN NO : 23

DARI PADA

TARIKH PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

AINI **BINTI AHMAD [PARIT SULONG]**

PERTANYAAN **14** **LISAN** **APRIL 2010 (RABU)**

**DAT
O'
NOR**

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan dalam memastikan peruntukan di bawah Tabung Insentif Kewangan Swasta (PFI) digunakan bagi menyiapkan projek-projek besar yang terbengkalai. Bagaimana pengeluaran (disbursement) tabung ini dilaksanakan. Apakah tindakan Kerajaan jika mereka terus gagal menyiapkan projek tersebut dalam masa yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan dana ini adalah bagi menyemarakkan lagi aktiviti pelaburan sektor swasta melalui sokongan pembiayaan Kerajaan berbentuk '*tipping point*' bagi membolehkan sesuatu projek menjadi berdaya maju dan bukannya bertujuan membantu projek - projek terbengkalai ataupun projek sakit. Dana ini merupakan sebahagian kecil bantuan Kerajaan iaitu tidak

melebihi 15% daripada jumlah kos projek atau maksimum RM200 juta untuk sesuatu projek atau mana satu yang lebih rendah.

Penyaluran (*disbursement*) dana akan dibuat berdasarkan kriteria dan syarat kelayakan antara lain adalah seperti berikut:-

- i. Majoriti ekuiti dan pengurusan dimiliki oleh syarikat tempatan;
- ii. Nilai projek dicadangkan adalah tidak kurang daripada RM100 juta dan tidak melebihi RM5 bilion;
- iii. Projek yang dicadangkan mempunyai nilai tambah atau nilai pengganda yang tinggi kepada ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan secara berterusan;
- iv. Nilai ekuiti tidak kurang daripada 10% dari nilai projek dan perlu diperuntukkan sebelum pelaksanaan projek;
- v. Mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran/kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan; dan
- vi. Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan komersil bagi projek.

Bagi memastikan penyaluran dana adalah tepat dan berkesan serta mengelak penyalahgunaan dana maka mekanisme berikut akan digunakan:-

- i. Permohonan yang diterima dari pihak swasta akan dinilai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (PPP) sebelum diangkat kepada Majlis Ekonomi untuk kelulusan;
- ii. Hanya projek yang diluluskan pinjaman oleh pihak bank sahaja yang akan menerima dana daripada Kerajaan;
- iii. Satu perjanjian akan dimeterai di antara pihak Kerajaan dan pihak syarikat, tertakluk kepada penyerahan sesalinan dokumen kelulusan pinjaman bank dan yang berkaitan;
- iv. Pelaksanaan projek akan dipantau sepenuhnya oleh Bahagian Pemantauan Projek, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana.

No. SOALAN: 24

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

**YB DATUK CHUA SOON
BUI (TAWAU)**

TARIKH

14 APRIL 2010

SOALAN

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta

PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) bagaimanakah Program Transformasi Kerajaan (GTP) meningkatkan sistem penghantaran, kecekapan, produktiviti, akauntabiliti, ketelusan serta menyekat rasuah dan pembaziran di sektor awam dan swasta; dan
- (b) bagaimanakah GTP akan menutup jurang kemiskinan, pembangunan tak seimbang dan kos hidup yang tinggi di Sabah.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Jawapan bagi soalan (a)

Sebagai pemangkin gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Program Transformasi Kerajaan atau Government Transformation Programme (GTP) bertujuan untuk menghasilkan pembaharuan atau transformasi jentera kerajaan supaya dapat menangani pelbagai cabaran, menjanakan inovasi pengurusan, meningkat kecekapan, keutuhan dan integriti sistem penyampaian dan mendatangkan hasil atau impak yang besar dan berkesan bagi memanfaat rakyat jelata. GTP dilaksanakan dengan menggunakan kaedah Makmal atau "Lab" dan kaedah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang merupakan dua kaedah pengurusan prestasi korporat yang terbukti berkesan dan berjaya diterimapakai oleh kerajaan-kerajaan di negara-negara maju seperti Britain, Australia dan Kanada.

Fokus usaha transformasi ini adalah untuk menegakkan urus tadbir baik atau good governance yang menitikberatkan kecekapan, produktiviti, akauntabiliti, ketelusan serta menyekat rasuah. YAB Perdana Menteri juga sentiasa menegaskan betapa pentingnya untuk mengurangkan pembaziran dan menghasilkan "value for money", atau "berbaloi". Secara khusus, pembanterasan rasuah merupakan salah satu daripada enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Results Areas (NKRA)* yang dikenalpasti dan dilaksanakan berdasarkan gagasan 1 Malaysia dan maklumbalas daripada rakyat.

NKRA membanteras rasuah menegaskan tiga (3) strategi teras:

- Meraih semula keyakinan terhadap agensi pengawal seliaan dan penguatkuasaan, seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- Mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan; dan
- Menangani salahguna kuasa dan sumber awam oleh ahli politik dan kakitangan kanan kerajaan.

Beberapa inisiatif telah dibentuk oleh para penjawat awam semasa sesi "Makmal" selama 6 minggu pada tahun 2009, termasuklah:

- i) memantapkan dan memperkuuh unit-unit pematuhan di agensi-agensi penguatkuasaan untuk memastikan amalan terbaik dipatuhi dalam penguatkuasaan;
- ii) menegak ketelusan dalam proses perolehan kerajaan dengan mendedahkan butiran kontrak perolehan kerajaan supaya meningkatkan pengawasan awam, melalui portal MyProcurement yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 April 2010 yang lalu.
- iii) mengumumkan dasar toleransi sifar yang disokong oleh rangkakerja perlindungan pemberi maklumat (*whistleblower*) di mana rang undang-undang yang berkenaan akan dibentang dalam Dewan Rakyat.
- iv) memperkuuh kebebasan dan keutuhan SPRM untuk meningkatkan timbang-tara ("check and balance") dengan penubuhan lima (5) panel bebas mengikut Akta SPRM yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Disember 2010;
- v) Berusaha untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh satu tahun, terutamanya kes yang membabitkan kepentingan awam supaya tidak tertunggak serta menguatkusakan hukuman yang lebih keras;
- vi)
- vii) Membangunkan pangkalan data pesalah untuk tujuan '*name-and-shame*' sebagai pencegahan tambahan, di mana pesalah rasuah didedahkan kepada umum.

Segala butiran lanjut mengenai insiatif-insiatif ini boleh didapati di dalam Pelan Hala Tuju GTP, yang telah diterbitkan di laman web www.transformation.gov.my

Jawapan bagi soalan (b)

Di bawah GTP, salah satu NKRA adalah **untuk meningkatkan taraf hidup isirumah yang berpendapatan rendah**. Salah satu Petunjuk Prestasi Utama Nasional atau *National Key Performance Indicator* (NKPI) bagi NKRA tersebut adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan dari 3.6% kepada 2.8% sebelum penghujung Disember 2010. Sememangnya, perhatian utama akan diberikan kepada Negeri Sabah yang merupakan negeri yang mencatatkan bilangan isi rumah miskin tegar dan miskin yang tertinggi.

Di antara langkah utama adalah melalui program pembasmian

kemiskinan secara produktif,yang dikenali sebagai Program 1AZAM. Program ini akan ditawarkan kepada ketua isirumah dan ahli isirumah yang **produktif** bagi melatih dan membangunkan mereka melalui program penempatan pekerjaan (AZAM Kerja), peluang pertanian (AZAM Tani) dan perniagaan (AZAM Niaga) dan perkhidmatan (AZAM Khidmat) agar golongan ini dapat mendapat pendapatan supaya membawa keluarga mereka keluar daipada kepompong kemiskinan secepat mungkin. Untuk golongan miskin tegar dan miskin yang **tidak produktif** pula, bantuan kewangan akan terus diberikan kepada mereka supaya melepasi Paras Garis Kemiskinan yang telah ditetapkan.

Kerajaan memang sangatlah komited terhadap pelaksanaan inisiatif— inisiatif di bawah GTP bagi tujuan menutup jurang kemiskinan khasnya bagi negeri Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA :

TUAN AARON AGO ANAK DAGANG

[KANOWIT]

TARIKH

14 APRIL 2010

SOALAN

Tuan Aaron Ago Anak Dagang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perbezaan dan persamaan (dari aspek jenis nyamuk, simptom, perubatan, dan lain-lain) di antara penyakit denggi dan chikungunya yang amat serius di negeri Sarawak baru-baru ini Nyatakan jumlah kes kedua-dua penyakit tersebut dalam tahun 2008 dan 2009 diseluruh Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009, negeri Sarawak telah mengalami wabak demam denggi dan chikungunya yang tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Dari pemantauan Kementerian Kesihatan mendapati kes demam denggi di Sarawak pada tahun 2009 adalah 4,490 kes, mencatat kenaikan sebanyak 195% (2,972 kes) berbanding tahun 2008 (1,517 kes) dan merupakan negeri kedua tertinggi menyumbang kepada peningkatan kes denggi seluruh negara selepas negeri Selangor (18,676 kes). Bagi

penyakit chikungunya pula, pada tahun 2009, negeri Sarawak telah mencatatkan peningkatan kes yang amat tinggi iaitu 2,505 kes berbanding hanya 3 kes sahaja pada tahun 2008, dan merupakan penyumbang tertinggi bilangan kes chikungunya keseluruhan iaitu sebanyak 46% dari 5,430 kes.

Kedua-dua penyakit ini iaitu Chikungunya dan Demam Denggi adalah disebabkan oleh virus dan disebarluaskan oleh nyamuk Aedes. Namun penyakit Chikungunya disebarluaskan oleh nyamuk Aedes Albopictus yang kebanyaknya dijumpai di kawasan luar bandar manakala bagi penyakit Demam Denggi pembawa utama ialah Aedes Aegypti yang banyak di kawasan bandar. Cara jangkitan bagi kedua-duanya berlaku apabila seseorang individu itu digigit oleh nyamuk Aedes yang telah dijangkiti dengan virus penyakit tersebut.

Penyakit demam denggi disebabkan oleh jangkitan virus denggi yang terdiri daripada 4 jenis serotypes iaitu DEN-1, DEN-2, DEN-3 dan DEN-4 dan bagi penyakit Chikungunya disebabkan oleh Virus Chikungunya.

Gejala-gejala bagi kedua-dua penyakit ini juga hampir sama iaitu pesakit akan mengalami demam, sakit sendi, sakit badan dan ruam namun penyakit Chikungunya tidak menyebabkan komplikasi pendarahan yang menyebabkan kematian. Kesakitan sendi bagi penyakit Chikungunya berbeza daripada penyakit Demam Denggi kerana ia hanya boleh berlarutan sehingga melebihi sebulan,

Bagi kedua-dua penyakit ini tiada rawatan khusus atau vaksin, dan kaedah pengawalan penyakit yang paling berkesan adalah pemusnahan tempat pembiakan Aedes. Oleh itu pencegahan penyakit-penyakit ini amat penting dengan memastikan tiada tempat pembiakan Aedes di sekitar kediaman dan masyarakat perlu mengambil peranan secara aktif dalam aktiviti ini.

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN :

DARIPADA

**Y.B DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan laporan penuh penyiasatan Kerajaan berikutan kehilangan enjin jet *F-SE TUDM*, kerosakan kapal selam *Scorpene* dan pesawat *Sukhoi*. Nyatakan kes-kes kehilangan dan kecurian peralatan ATM dan nilai kerugiannya dalam tempoh 2000-2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kehilangan enjin Pesawat F5E adalah di bawah siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara bagi proses perundangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah teknikal yang dihadapi oleh kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN adalah masalah biasa yang boleh dialami oleh mana-mana kapal selam lain di dunia. Secara khususnya kapal berkenaan tidak dibenarkan menyelam kerana mengalami sedikit masalah yang mungkin boleh menjelaskan keselamatan selaman. Ini adalah langkah keselamatan biasa pengendali kapal selam yang mengamalkan prosedur keselamatan yang sangat ketat. Masalah teknikal yang dihadapi telah pun diatasi oleh pembekal dan ujian selaman telah berjaya dilaksanakan pada 22 Februari 2010 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kecurian dan kehilangan peralatan tentera yang telah dilaporkan sejak tahun 2000 hingga 2009 adalah sebanyak 128 kes iaitu secara purata 13 kes setiap tahun. Selain daripada kes kecurian enjin pesawat jet F-5E, kes kehilangan dan kecurian peralatan ATM juga melibatkan peralatan seperti senjata, peluru, kenderaan, alat ganti, minyak, rangsum dan lain-lain harta yang menjadi milik ATM. Segala kes kehilangan dan kecurian peralatan ATM yang dilaporkan akan disiasat sama ada oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasa ATM dan di peringkat pasukan melalui Lembaga Siasatan (*Board of Inquiry*).

Kebanyakan kes kehilangan dan kecurian yang melibatkan peralatan ATM merupakan kes yang disedari pada peringkat awal di mana peralatan yang dilaporkan hilang atau kecurian telah dapat di kesan dan diperolehi semula oleh pihak berkuasa. Oleh itu, kadar nilai kerugian tersebut adalah kecil serta dalam keadaan terkawal. Tindakan tatatertib telah dikenakan terhadap anggota ATM yang didapati bersalah disebabkan kecuaian sehingga berlakunya kehilangan atau kecurian peralatan tersebut termasuklah mengenakan surc妖 sebagai tindakan korektif serta preventif.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN
(KENINGAU)**

TARIKH

14.04.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai bilangan anak-anak Negeri Sabah yang telah dilatih sebagai guru-guru dalam tahun 2007, 2008, dan 2009 dan berapakah bilangan mereka yang telah dihantar untuk bertugas di Semenanjung serta Sarawak dalam tahun-tahun yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anak-anak tempatan Sabah yang telah dilatih sebagai guru dalam tahun 2007 hingga 2009 adalah seramai 3,790 orang. Pecahan ambilan pelatih tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

AMBILAN	\ • KPL.I. _ • ■ • - v .	
Jan 2007	438	
Jun 2007		374
Jan 2008	923	
Jun 2008		349
Jan 2009	742	
Jun 2009	566	398

NO. SOALAN
DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 April 2010 [Rabu]

DARIPADA

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim
[Kuala Kedah]**

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai perancangan jangka panjang operasi Tabung Haji di Mekah Al-Mukaramah semasa musim haji bagi menghadapi pemodenan Kota Mekah yang dalam pembinaan, serta apakah manfaat yang akan diperolehi oleh jemaah haji Malaysia.

JAWAPAN: (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan jangka panjang Lembaga Tabung Haji (TH) di Makkah dalam menghadapi arus pemodenan Kota Makkah adalah tertumpu kepada bidang-bidang berikut:-

- i) mendapatkan Bangunan Penginapan Jemaah Haji (BPJH) pada jarak dan kadar harga yang bersesuaian untuk jemaah

- haji Malaysia; dan**
- ii) meningkatkan bimbingan kepada jemaah haji agar dapat menyesuaikan diri pada suasana pemodenan yang sedang berlaku.

Dalam mencapai sasaran perancangan yang pertama di atas, TH mengambil tindakan berikut:-

- i) menilai tawaran-tawaran usahasama bagi membangunkan BPJH;
- ii) menimbangkan tawaran-tawaran penyewaan BPJH; dan
- iii) mengambil pegangan hak bagi beberapa tingkat bangunan untuk tempoh tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi. Contoh sedia ada ialah pegangan beberapa tingkat di Blok Hajar Tower di bawah Kompleks Abraj Al-Bait, Makkah, untuk tempoh 25 tahun.

Sekiranya perancangan ini dapat dilaksanakan, ia akan memberi manfaat kepada jemaah haji Malaysia dalam bentuk berikut:-

- i) mengawal kenaikan harga agar tidak kerap berubah dalam tempoh yang singkat;
- ii) memperolehi BPJH dalam jarak yang bersesuaian untuk jemaah haji Malaysia; dan
- iii) mendapatkan BPJH yang mempunyai ciri-ciri moden yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh jemaah haji.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 29

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)
TARIKH	14 APRIL 2010 (RABU)

SOALAN **Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim)**

minta

PERDANA MENTERI menyatakan tindakan perubahan yang drastik dari segi struktural, undang-undang dan sistem yang bakal diambil untuk meningkatkan tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan supaya ia lebih responsif kepada kehendak rakyat.

JAWAPAN: (*oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon*)

Kerajaan menyedari demi mencapai Wawasan 2020, perubahan yang drastik diperlukan dari segi pencapaian ekonomi, sosial dan juga perkhidmatan awam yang disediakan. Oleh itu, berdasarkan gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Pelan Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Programme* (GTP) yang sedang dilaksanakan menggunakan dua kaedah pengurusan prestasi korporat yang terbukti berkesan dan berjaya digunakan oleh kerajaan negara-negara maju iaitu Makmal dan petunjuk prestasi utama atau *key performance indicators* (KPI).

Berdasarkan kepada maklumbalas daripada rakyat, GTP telah menggariskan enam bidang keberhasilan utama atau *national key results area* (NKRA), iaitu mengurangkan jenayah, memerangi rasuah, mempeluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, peningkatan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman serta menambahbaik sistem pengangkutan awam.

Setiap NKRA diterajui oleh seorang Menteri peneraju, dengan disokong oleh beberapa Kementerian dan agensi yang lain yang berkaitan supaya bersama-sama memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah berasaskan kepada hasil atau *outcome*. Di samping NKRA, setiap Kementerian perlu menyediakan bidang keberhasilan utama kementerian (*ministerial key results area*) masing-masing dan menyasarkan KPI-KPI agar perkhidmatan yang diberikan menepati sasaran-sasaran yang ditetapkan untuk memenuhi kehendak orang awam.

Dengan mengambilkira KPI bidang keberhasilan dan *outcome*, setiap Kementerian dan agensi perlu mengenal pasti dan menentukan bahawa ianya mempunyai struktur organisasi, bilangan perjawatan yang mencukupi, penjawat-penjawat yang berkemampuan dan bersikap positif, undang-undang dan peraturan-peraturan yang sesuai serta sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang

terkini.

Selain dari memberikan tumpuan kepada GTP, sektor perkhidmatan awam juga perlu memberi tumpuan kepada pelaksanaan Model Ekonomi Baru atau *New Economic Model* (NEM) untuk melonjakkan negara menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi melalui Rancangan Malaysia ke-10 yang akan bermula pada tahun 2011. Sebenarnya, NEM atau yang juga dikenali sebagai *Economic Transformation Plan* (ETP) akan didukung oleh GTP dan akan menggunakan konsep *National Key Economic Activities* (NKEA) sebagai inisiatif-inisiatif utama.

Melalui GTP dan ETP serta didorong oleh nilai-nilai teras dalam gagasan 1 Malaysia, sektor perkhidmatan awam akan lebih bertanggungjawab terhadap program-program pembangunan yang dirancang dan responsif terhadap kehendak rakyat dalam penyediaan perkhidmatan yang diperlukan. Dengan ini, tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan akan sentiasa dipertingkatkan.

NO. SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

[BATU]

TARIKH **14 APRIL 2010**

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta PERDANA MENTERI menyatakan spesifikasi tugas perincian perbelanjaan yang dianugerahkan kepada syarikat komunikasi APCO Worldwide Solutions. Apakah alasan kerajaan mengangkat APCO dan prosedur keselamatan dan perkongsian maklumat negara dengan APCO.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melantik APCO Worldwide Sdn Bhd untuk

melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi secara menyeluruh. Ini bertujuan meningkatkan lagi kapasiti kerajaan dalam bidang komunikasi kerajaan agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia.

APCO Worldwide juga diminta menjayakan program komunikasi untuk meningkatkan imej Malaysia di luar negara. Ini bagi membetulkan imej negara kerana ada laporan media asing yang bersumberkan pihak di dalam dan luar negara yang menjelaskan imej negara dan pemimpinnya. Ini telah menjejas imej negara dan pemimpin serta menjejas kedudukan kita sebagai sebuah negara Islam yang progresif dan stabil. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa segala kerahsiaan maklumat dan prosedur keselamatan dipatuhi dalam urusannya dengan APCO.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIRABU: 14 APRIL 2010

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA 70)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DR HAJI -DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)

TARIKH NO

14.04.2010 (RABU)

SOALAN

10

DR HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah Bahagian Penguatkuasa Kementerian KPDKKK memantau kenaikan beberapa barang, antaranya kacang dal malavi, kacang hijau, bawang putih dan gula perang yang telah naik antara 50 hingga 140 peratus sejak empat bulan lepas seperti yang didakwa oleh laporan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga bawang putih, kacang dal malavi, kacang hijau dan gula merah telah dilaporkan berlaku sekitar Mei hingga September 2009 di mana berlaku kenaikan harga antara 50 hingga 140 peratus.

Antara faktor-faktor kenaikan harga Bawang Putih (China) adalah disebabkan oleh hasil tanaman yang kurang di kawasan penanaman utama. Pada musim tuaian kali ini hasil tanaman telah berkurang sebanyak 40 peratus dari hasil tanaman biasa. Petani di Republik Rakyat China telah mengurangkan kuantiti tanaman kerana tidak mahu terus menanggung kerugian kerana harga jualan yang rendah pada tahun lepas. Petani di sana juga telah menuai lebih awal kerana risau kualiti tanaman akan merosot. Harga import terkini bawang putih yang diterima oleh pengimport adalah dalam lingkungan USD1,300/metrik tan bersamaan RM4.60/kilogram. Oleh kerana peningkatan harga di pasaran oleh pengeksport, harga jualan borong bawang putih (China) pada masa kini dijual sehingga RM5.50/kilogram.

Harga Kacang Dal Malavi (India) yang dijual oleh pengeksport di India telah mula meningkat sejak bulan September 2009 dan dijual pada harga USD1,000 setan metrik. Namun disebabkan faktor cuaca di kawasan penanaman telah mengakibatkan kualiti hasil tuaian merosot. Fenomena ini telah mengganggu bekalan di pasaran dan merupakan faktor harga kacang dal malavi meningkat sehingga USD1,500 setan metrik pada bulan Disember 2009 sehingga Januari 2010. Harga import terkini kacang dal malavi yang diterima oleh pengimport adalah dalam lingkungan USD1,700/metrik tan bersamaan RM6.00/kilogram. Harga jualan borong terkini adalah antara RM6.50/kilogram sehingga RM7.00/kilogram.

Kenaikan harga Kacang Hijau berlaku kerana bekalan hanya diperoleh dari Myanmar dan Thailand setelah bekalan dari Negara China terputus disebabkan musim sejuk di sana. Harga import kacang hijau pada bulan Mei 2009 adalah USD790 per tan. Harga import terkini yang diterima oleh pengimport adalah dalam

lingkungan USD1,200 hingga USD1,300 per tan bersamaan RM4.20 hingga RM4.50 sekilogram. Harga jualan borong terkini adalah antara RM5.00 hingga RM6.00 sekilogram.

Harga import gula merah/perang adalah dalam lingkungan USD450 hingga USD550 /metrik tan bersamaan RM1.55 hingga RM1.90 sekilogram. Harga jualan borong terkini adalah antara RM2.50 hingga RM3.00 sekilogram. Perubahan harga yang berlaku di pasaran adalah amat bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran di dalam pasaran dan kadar tukaran wang asing. Tiada sebarang sekatan import atau Approve Permit (AP) diperlukan bagi mengimport barang yang dinyatakan.

Harga bawang putih, kacang dal, kacang hijau dan gula merah di pantau melalui Skim Pemantauan Harga (SPH) yang melibatkan 563 jenis barang dan 70 jenis perkhidmatan. Sekiranya didapati ada perubahan mendadak pada Indeks Harga ke atas 633 jenis barang dan perkhidmatan tersebut, siasatan ke atas pengeluar, pengilang, pengimport dan pemborong akan dijalankan bagi mendapatkan maklumat berhubung kenaikan harga berkenaan.

Soalan No: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN

BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

TARIKH 14 APRIL 2010 (Rabu)

SOALAN 11

Tuan Teng Boon Soon minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan kenderaan bermasalah seperti Toyota, Honda dan Peugeot yang dipasarkan di Malaysia selamat digunakan di jalan raya Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah meminta pengeluar kenderaan-kenderaan model Toyota, Honda dan Peugeot untuk mengemukakan surat pengesahan sama ada model-model yang dipasarkan di Malaysia terlibat atau tidak dengan masalah teknikal kenderaan sepetimana yang dihadapi di Amerika Syarikat dan Eropah.

Setakat ini, pihak UMW Toyota telah mengenalpasti 92 buah kenderaan Toyota Prius yang perlu ditarik balik. Daripada jumlah itu, 36 buah kenderaan masih belum terjual, manakala 56 buah telah hadir ke pusat servis Toyota bermula 5 Februari 2010 sehingga akhir bulan Februari 2010 untuk pemeriksaan lanjut.

Kesemua pemilik telah hadir untuk tujuan pembaikan dan kerosakan teknikal telahpun dibaikpulih.

Pihak Honda Malaysia pula telah memaklumkan JPJ terdapat 2 model yang terlibat dalam masalah teknikal iaitu Honda City tahun 2008 dan Honda Jazz tahun 2003 dan jumlah yang terlibat adalah sebanyak 16,000 unit. Pihak Honda telah mengeluarkan surat pemberitahuan bermula 16 Mac 2010 kepada pemilik kenderaan yang terbabit untuk hadir membuat pemeriksaan di pusat servis bertauliah yang berdekatan untuk dibaikpulih *switch power window* secara percuma. Proses pembaikpulihan masih dijalankan oleh Honda. Manakala bagi kenderaan Peugeot yang diedarkan oleh Naza Motor, pihaknya telah memaklumkan bahawa tidak ada kenderaan jenis ini yang terlibat dalam penarikan balik.

SOALAN NO.: 12

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 14 APRIL 2010

SOALAN

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) Jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Negeri Melaka untuk projek mencegah banjir kilat dan menaik taraf sistem perparitan.; dan
- (b) Jenis projek dan kawasan yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memperuntukkan sebanyak RM32.47 juta (harga kontrak) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi pelaksanaan projek Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 1.

Selain itu, sebanyak RM15 juta juga telah diperuntukkan bagi membiayai kos pengambilanbalik tanah bagi Fasa 1 projek tersebut.

Setakat ini kemajuan kerja Fasa 1 adalah sebanyak 86% dan projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2010.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Fasa 1 tersebut melibatkan tiga (3) komponen seperti berikut:

- i. Menaiktaraf sistem saliran;
- ii. Pembinaan kolam takungan; dan
- iii. Pembinaan rumah pam.

Pelaksanaan projek Fasa 1 meliputi tujuh (7) kawasan seperti berikut:

- i. Kg. Chetty;
- ii. Jalan Pandan ke Limbongan;
- iii. Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka ke Taman Peringgit Jaya;
- iv. Stesyen Minyak Bukit Katil dan Kolam Takungan di sekitar Taman Merak Mas Bukit Katil;
- v. Taman Setiakawan ke Persimpangan Jalan Tun Razak/ Bukit Piatu dan Kg. Bukit Baru;
- vi. Taman Sentosa, Bukit Baru dan sekitar Taman Bukit Melaka/Bukit Beruang Melaka; dan
- vii. Tangga Batu (berkaitan projek MINDEF sehingga ke Sungai Udang).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

DARIPADA

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI @ AHMAD (SIPITANG)

SOALAN

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI @ AHMAD (SIPITANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan terbengkalai yang sudah dipulihkan sehingga kini dan pecahannya mengikut kategori dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2010, terdapat sebanyak 30 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung

SOALAN(13)

Malaysia yang telah siap dan diselesaikan. Pecahan projek mengikut kategori dan negeri adalah seperti berikut:-

Bi 1	Negeri;	Bilangan Projek	■ Kategori Projek (berdasarkan kos)			
			Sederh ana:	Tinggi	Bercampur	
1	Johor	11	1		2	8
2	Melaka	5	1	1	1	2
3	Selangor	2		1		1
4	Pahang	3	1	1		1
5	W.Pers.	2			2	
6	P. Pinang	3		1	1	1
7	Perak	1		1		
8	N. 9	2		1		1
9	Kedah	1			1	

Nota:-

- (a) Kos rendah : RM42.000 dan ke bawah
- (b) Kos sederhana : RM43.000 sehingga RM100,000
- (c) Kos tinggi: RM100,000 dan ke atas
- (d) Bercampur: Merangkumi kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi.

Walau bagaimanapun, kebanyakan jenis rumah dalam projek ini adalah kos rendah dan kos sederhana.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

AW". *t < f*

NO. AUM : 26

NO.AUP: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH 14 APRIL 2010

**RUJUKAN
SOALAN:**

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramaikah warganegara asing yang telah diberi Visa Pelawat VOA semenjak 2005 - 2009, nyatakan secara terperinci mengikut negeri dan bangsa dan berapa ramaikah yang hilang bila sampai tempohnya dan apakah jenis tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kemudahan Visa Semasa Ketibaan atau Visa On Arrival (VOA) telah mula diperkenalkan sejak September 2006 sehingga kini dengan tujuan untuk memudahkan kemasukan warga asing bagi menggalakkan industri pelancongan di Malaysia. Pada tahun 2006, sebanyak 32,108 VOA telah dikeluarkan diikuti dengan 136,574 pada tahun 2007, sebanyak 88,863 pada tahun 2008 dan 22,332 pada tahun 2009.

Secara purata, sepanjang tempoh pelaksanaan VOA, India mendahului senarai dengan jumlah pengeluaran sebanyak 128,988 diikuti dengan negara Pakistan sebanyak 50,841, negara China sebanyak 41,611, Bangladesh sebanyak 27,253 dan negara Sri Lanka sebanyak 18,741.

Perangkaan Jabatan Imigresen Malaysia bagi tempoh 2007 hingga 2009 mendapati sejumlah 25,862 pemegang VOA tinggal lebih masa daripada tempoh yang dibenarkan. Lima negara tertinggi dalam senarai statistik tinggal lebih masa bagi tempoh 2007 sehingga 2009 adalah India 11,692 diikuti dengan Pakistan 4,263, Bangladesh sebanyak 3,691, China sebanyak 2,402 dan Sri Lanka sebanyak 1,697.

Tindakan yang boleh diambil terhadap warganegara asing yang melanggar peruntukan Akta Imigresen 1959/63, seperti tinggal di Malaysia selepas tamat tempoh Pas yang dikeluarkan (iaitu kesalahan

di bawah Seksyen 15(4)) adalah samada mendakwa mereka ini di mahkamah atau dikenakan kompaun.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 April 2010 [Rabu]

DARIPADA

**Datuk Haji Baharum bin Mohamed
[Sekijang]**

SOALAN :

YB Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkhidmatan Tabung Haji Malaysia kepada Jemaah Haji Malaysia dikatakan salah satu yang terbaik, sejauh manakah kenyataan ini dapat dipertahankan.

JAWAPAN: (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai pihak telah mengiktiraf perkhidmatan Lembaga Tabong Haji (TH) adalah antara yang terbaik, termasuk Kerajaan Arab Saudi. Sehubungan itu, antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh TH bagi memastikan perkhidmatannya sentiasa relevan dan diterima baik jemaah haji Malaysia adalah seperti berikut:-

1. memperkemaskan urusan bimbingan jemaah haji supaya mereka dapat melaksanakan ibadah haji dengan betul tanpa

sebarang perbuatan yang boleh merosakkan kerja haji itu serta dapat melahirkan sifat-sifat yang ~~tempuji yang sesuai~~^{NO SOALAN Sesi 15} dengan status mereka sebagai jemaah haji (tetamu Allah);

2. meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada jemaah haji melalui pasukan petugas yang mesra, cekap dan bermaklumat serta kemantapan sistem dan proses kerja yang sentiasa disemak dan dikemaskini;
3. membangunkan keupayaan agensi pelancongan yang dilesenkan sebagai Pengelola Jemaah Haji supaya menjadi sebahagian daripada perkhidmatan pengurusan haji Malaysia yang cemerlang;
4. mendapatkan bangunan penginapan jemaah haji yang memenuhi citarasa jemaah haji Malaysia pada harga yang mampu dibayar melalui usahasama dengan pemaju/ pemilik hartanah yang berwibawa; dan
5. menyelaras perkhidmatan penerbangan haji yang berupaya memenuhi keperluan jemaah haji dan operasi haji.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO'

SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA :

TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR

[JERAI]

TARIKH

14 APRIL 2010

SOALAN

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI KESIHATAN

menyatakan jumlah pesakit kencing manis yang direkodkan dua bulan selepas kenaikan harga gula di pasaran negara awal tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kehadiran pesakit diabetes ke klinik kesihatan Kementerian Kesihatan di seluruh Malaysia menunjukkan tren peningkatan, dari 1,863,286 orang pada tahun 2007, meningkat ke 2,044,849 orang pada tahun 2008 dan 2,123,745 pada tahun 2009.

Pengurangan bilangan atau prevalen pesakit diabetes di Malaysia adalah dipengaruhi oleh banyak faktor. Jika kita melihat kepada kejayaan beberapa negara maju dalam menangani beban penyakit kronik tidak berjangkit di negara mereka, sebarang program dan aktiviti yang berjaya untuk mencegah kejadian diabetes hanya akan menunjukkan impak pengurangan bilangan pesakit diabetes selepas tempoh 10 hingga 15 tahun.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa pengambilan gula secara berlebihan tidak menyebabkan diabetes secara langsung. Ini adalah kerana diabetes disebabkan oleh kekurangan insulin dan juga rintangan terhadap insulin (atau *insulin resistance*).

Pengambilan gula yang berlebihan menyumbang kepada pengambilan kalori yang berlebihan. Ini seterusnya mengakibatkan terjadinya berlebihan berat badan dan obesiti. Individu yang berlebihan berat badan dan obesiti mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat diabetes.

Oleh yang demikian, pengumuman kenaikan harga gula yang baru dua bulan dilaksanakan tidak akan menunjukkan kaitan yang terus dengan peningkatan atau penurunan kes diabetes secara serta merta. Sebarang kajian hanya akan menunjukkan keputusan yang sah (atau *valid*) selepas jangkamasa 10 hingga 15 tahun. Impak tidak boleh diketahui dalam masa dua bulan sahaja.

NO.AUM : 44

NO. AUP : | T

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG]
TARIKH	14 APRIL 2010 2483
RUJUKAN	

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan agar pegawai polis yang terlibat dalam menangani kes mangsa dera kanak-kanak mempunyai kemahiran menangani mangsa-mangsa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batang Sadong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, PDRM sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai polis dalam menangani kes-kes jenayah termasuk penderaan terhadap kanak-kanak. Usaha-usaha ini dibuat melalui latihan, kursus, bengkel dan seminar yang dijalankan secara berterusan.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi pegawai-pegawai penyiasat (10) yang baru, selain kursus penyiasatan, mereka juga diberikan pendedahan bagi mengendalikan mangsa-mangsa penderaan kanak-kanak. Bagi pegawai-pegawai yang ditempatkan di Bahagian Siasatan Seksual Dan Penderaan Kanak-Kanak (D11), mereka diberikan kursus penyiasatan khas dari semasa ke semasa berkaitan pengendalian mangsa-mangsa penderaan kanak-kanak. Antara modul-modul yang diterapkan di dalam kursus khas ini ialah kaunseling dan psikologi kanak-kanak, undang-undang dan hak asasi berkaitan kanak-kanak serta pendekatan dalam mengambil keterangan dari mangsa.
Tuan Yang DiPertua,

Selain dari itu, bengkel dan seminar juga diadakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	14 APRIL 2010 (RABU)
DARIPADA	Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

SOALAN

Y.B. DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam semangat rakyat didahuluikan apakah usaha Kementerian dalam membantu Kerajaan Negeri Kedah untuk menyelesaikan masalah penduduk *'transit'* Flat Paya Nahul, dimana penduduk ini adalah setinggan yang dipindahkan sejak 12 tahun dahulu dari kampung-kampung di tepi sungai, Sungai Petani Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan sebanyak dua (2) projek

Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa di PPR Paya Nahu, Sungai

Petani (1,472 unit) dan PPR Kuah, Langkawi (422 unit).

Berdasarkan laporan daripada Kerajaan Negeri, masih terdapat kekosongan

sebanyak 72 unit di PPR Paya Nahu, Sg. Petani. Walau bagaimanapun,

KPKT akan mempertimbangkan pelaksanaan projek PPR di seluruh negara

berdasarkan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh Unit

Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) masing-masing.
Kementerian

Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN**

**JAWAB LISAN DATUK JUSLIE
BIN AJIROL
14 APRIL 2010 (RABU)
NO.19**

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha mentadbir universiti-universiti tempatan sebagai entiti perniagaan dengan menubuhkan Unit Strategik Perniagaan (SBU) boleh menjadi prinsip entiti yang bergerak secara autonomi untuk menjana pendapatan kepada sesebuah universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPTA sememangnya digalakkan berdikari mencari sumber kewangan sendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Pada masa ini, IPTA memperoleh sumber pendapatan melalui geran kerajaan di samping pendapatan dalaman seperti bayaran yuran pelajar, keuntungan simpanan tetap, sewaan, yuran penginapan, keuntungan pelaburan, hasil program akademik dan operasi hospital.

KPT telah memberi kebenaran dan menggalakkan IPTA menubuhkan syarikat induk dan anak syarikat sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan. Peruntukan seksyen 4A, jadual pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU 1971) memberi kuasa kepada IPTA untuk menubuhkan syarikat, membuat penyertaan ekuiti, perkongsian, usahasama dan apa juu bentuk kerjasama bagi aktiviti akademik dan penyelidikan di universiti. Peruntukan tersebut akan membolehkan entiti komersial diwujudkan oleh IPTA bagi mengembangkan peranan serta aktivitinya dengan lebih berkesan di sektor komersial.

Di dalam usaha IPT mengambil inisiatif menjana pendapatan dalaman sendiri, kementerian akan memastikan pelaksanaannya dilakukan secara berhemah tanpa menjelaskan fungsi murni IPT sebagai pusat kecemerlangan akademik. Peraturan- peraturan dan syarat-syarat tertentu akan dilihat agar ianya tidak menjadi penyekat kepada IPTA untuk melaksanakan program bagi menjana pendapatan mereka sendiri. Setakat ini, telah tedapat beberapa IPTA yang berupaya menjana pendapatan dalaman yang menyumbang 30% atau lebih kepada perbelanjaan operasi.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

DARIPADA

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR
DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)

SOALAN

Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pengurusan di Rumah Pangsa Kos Rendah, Taman Pertama, Ipoh.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan atau pelan bagi mengatasi masalah pengurusan di Taman Pertama Ipoh adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Walau bagaimanapun berpandukan dengan Akta yang sedia ada, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh Badan Pengurusan sendiri ataupun Pesuruhjaya Bangunan seperti '*writ of summon*', sita dan lelong dan pendakwaan di mahkamah bagi tujuan mendapatkan caj penyenggaraan atau hutang yang tertunggak.

Soalan No : 21

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
	(SERIAN)
TARIKH	14.04.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah yang terjadi dengan rancangan Kementerian untuk mendirikan sekolah rendah baru di kawasan Tong Nibong iaitu S.K. Triang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan masalah dan keperluan yang dihadapi penduduk setempat. Sehubungan itu, satu projek tambahan bilik darjah, rumah guru, dan asrama sedang dilaksanakan di SK Telagus Jeruk bagi menampung keperluan murid dan guru di kawasan tersebut. Bagi pembinaan sekolah S.K Triang, KPM telah mencadangkan pembinaan sekolah tersebut dimasukkan di dalam senarai RMKe-10.

Rjm 118

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN	SOALAN(22)
TARIKH	14 APRIL 2010 (RABU)	
DARIPADA	Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)	

SOALAN

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan sepertimana yang pernah dilaksanakan dahulu memandangkan kebanyakannya ahli majlis yang dilantik tidak dapat menjalankan tugas dengan cekap kerana bukan dilantik oleh penduduk di atas kemampuan mereka serta adakah Kerajaan berhasrat menyelaraskannya untuk semua negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Pilihanraya Kerajaan Tempatan diadakan antara lain, adalah untuk memilih ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan yang berkelayakan dan berkemampuan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing di seluruh Semenanjung Malaysia. Ordinan Kerajaan Tempatan bagi Negeri Sabah dan Sarawak walau bagaimanapun tidak memperuntukkan sebarang seksyen mengenai pilihanraya berkenaan.

Seksyen 10 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) telah menggariskan ciri-ciri ahli Majlis yang boleh dilantik seperti berikut:

- I. hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka;

- II. orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan PBT itu;
- III. pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan; atau
- IV. memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesi, perdagangan atau perindustrian; atau
- V. mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam PBT itu

Seksyen 10(2) Akta 171 telahpun memberikan garis panduan yang jelas kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik individu yang bukan sahaja **berpengalaman** dalam hal ehwal kerajaan tempatan malahan individu yang pada pertimbangan Kerajaan Negeri **berjaya dalam profesi masing-masing**. Ini adalah bertujuan supaya ahli majlis berkenaan dapat menyumbang secara signifikan dalam pembangunan kawasan PBT masing-masing disamping menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Menyedari bahawa negara kita berbilang kaum, ras, budaya dan agama, Kerajaan Negeri juga dibolehkan melantik ahli Majlis dari kaum-kaum tertentu dengan tujuan memastikan kepentingan kaum-kaum berkenaan terpelihara. Oleh yang demikian, sekiranya pada pandangan Pihak Berkuasa Negeri, ahli-ahli majlis yang dilantik oleh mereka sendiri tidak dapat menjalankan tugas dengan cekap seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Kuantan, Kerajaan Negeri boleh menggantikan ahli-ahli majlis berkenaan dengan mereka yang lebih berkelayakan dan berkemampuan setelah tempoh lantikan tamat. Ini adalah kerana kuasa melantik ahli-ahli Majlis terletak didalam Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.

Dalam nada yang sama, saya ingin mengulangi bahawa, setakat ini Kerajaan tidak

berhasrat untuk meminda Seksyen 15 Akta 171 atas faktor-faktor keselamatan dan kewangan. Mengenai dakwaan bahawa ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak secekap yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya, ingin dinyatakan bahawa pemilihan melalui pilihanraya bukanlah satu jaminan bahawa ahli Majlis yang dipilih akan menjadi lebih cekap dan berpengalaman dalam hal ehwal kerajaan tempatan. Kecekapan Ahli Majlis dan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mapan, keseragaman undang-undang dan peraturan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan dan sebagainya.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA DATO' LISAN
NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]**

TARIKH 14 APRIL 2010 (RABU)

SOALAN

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta PERDANA MENTERI menyatakan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan dalam memastikan peruntukan di bawah Tabung Insentif Kewangan Swasta (PFI) digunakan bagi menyiapkan projek-projek besar yang terbengkalai. Bagaimana pengeluaran (disbursement) tabung ini dilaksanakan. Apakah tindakan Kerajaan jika mereka terus gagal menyiapkan projek tersebut dalam masa yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan dana ini adalah bagi menyemarakkan lagi aktiviti pelaburan sektor swasta melalui sokongan pembiayaan Kerajaan berbentuk '*tipping point*' bagi membolehkan sesuatu projek menjadi berdaya maju dan bukannya bertujuan membantu projek - projek terbengkalai ataupun projek sakit. Dana ini merupakan sebahagian kecil bantuan Kerajaan iaitu tidak

melebihi 15% daripada jumlah kos projek atau maksimum RM200 juta untuk sesuatu projek atau mana satu yang lebih rendah.

Penyaluran (*disbursement*) dana akan dibuat berdasarkan kriteria dan syarat kelayakan antara lain adalah seperti berikut:-

- i. **Majoriti ekuiti dan pengurusan dimiliki oleh syarikat tempatan;**
- ii. **Nilai projek dicadangkan adalah tidak kurang daripada RM100 juta dan tidak melebihi RM5 bilion;**
- iii. **Projek yang dicadangkan mempunyai nilai tambah atau nilai pengganda yang tinggi kepada ekonomi serta mewujudkan peluang pekerjaan secara berterusan;**
- iv. **Nilai ekuiti tidak kurang daripada 10% dari nilai projek dan perlu diperuntukkan sebelum pelaksanaan projek;**
- v. **Mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran/kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan; dan**
- vi. **Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan komersil bagi projek.**

Bagi memastikan penyaluran dana adalah tepat dan berkesan serta mengelak penyalahgunaan dana maka mekanisme berikut akan digunakan:-

- i. **Permohonan yang diterima dari pihak swasta akan dinilai dan**

diperakukan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (PPP) sebelum diangkat kepada Majlis Ekonomi untuk kelulusan;

- ii. Hanya projek yang diluluskan pinjaman oleh pihak bank sahaja yang akan menerima dana daripada Kerajaan;
- iii. Satu perjanjian akan dimeterai di antara pihak Kerajaan dan pihak syarikat, tertakluk kepada penyerahan sesalinan dokumen kelulusan pinjaman bank dan yang berkaitan;
- iv. Pelaksanaan projek akan dipantau sepenuhnya oleh Bahagian Pemantauan Projek, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana.

No. SOALAN: 24 PERTANYAAN

LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANAYAN LISAN

DARIPADA YB DATUK CHUA SOON BUI
(TAWAU)

TARIKH 14 APRIL 2010

SOALAN Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) bagaimanakah Program Transformasi Kerajaan (GTP) meningkatkan sistem penghantaran, kecekapan, produktiviti, akauntabiliti, ketelusan serta menyekat rasuah dan pembaziran di sektor awam dan swasta; dan
- (b) bagaimanakah GTP akan menutup jurang kemiskinan, pembangunan tak seimbang dan kos hidup yang tinggi di Sabah.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KON)

Jawapan baai soalan (a)

Sebagai pemangkin gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Program Transformasi Kerajaan atau Government Transformation Programme (GTP) bertujuan untuk menghasilkan pembaharuan atau transformasi jentera kerajaan supaya dapat menangani pelbagai cabaran, menjanakan inovasi pengurusan, meningkat kecekapan, kestabilan dan integriti sistem penyampaian dan mendatangkan hasil

atau impak yang besar dan berkesan bagi memanfaat rakyat jelata. GTP dilaksanakan dengan menggunakan kaedah Makmal atau “Lab” dan kaedah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang merupakan dua kaedah pengurusan prestasi korporat yang terbukti berkesan dan berjaya diterimakan oleh kerajaan-kerajaan di negara-negara maju seperti Britain, Australia dan Kanada.

Fokus usaha transformasi ini adalah untuk menegakkan urus tadbir baik atau good governance yang menitikberatkan kecekapan, produktiviti, akauntabiliti, ketelusan serta menyekat rasuah. YAB Perdana Menteri juga sentiasa menegaskan betapa pentingnya untuk mengurangkan pembaziran dan menghasilkan “value for money”, atau “berbaloi”. Secara khusus, pembanterasan rasuah merupakan salah satu daripada enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Results Areas* (NKRA) yang dikenalpasti dan dilaksanakan berdasarkan gagasan 1 Malaysia dan maklumbalas daripada rakyat.

NKRA membanteras rasuah menegaskan tiga (3) strategi teras:

- Meraih semula keyakinan terhadap agensi pengawal seliaan dan penguatkuasaan, seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- Mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan kerajaan; dan
- Menangani salahguna kuasa dan sumber awam oleh ahli politik dan kakitangan kanan kerajaan.

Beberapa inisiatif telah dibentuk oleh para penjawat awam semasa sesi “Makmal” selama 6 minggu pada tahun 2009, termasuklah:

- i) memantapkan dan memperkuuh unit-unit pematuhan di agensi-agensi penguatkuasaan untuk memastikan amalan terbaik dipatuhi dalam penguatkuasaan;
- ii) menegak ketelusan dalam proses perolehan kerajaan dengan mendedahkan butiran kontrak perolehan kerajaan supaya meningkatkan pengawasan awam, melalui portal MyProcurement yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 April 2010 yang lalu.
- iii) mengumumkan dasar toleransi sifar yang disokong oleh rangkakerja perlindungan pemberi maklumat (*whistleblower*) di mana rang undang-undang yang berkenaan akan dibentang dalam Dewan Rakyat.
- iv) memperkuuh kebebasan dan keutuhan SPRM untuk meningkatkan timbang-tara (“*check and balance*”) dengan penubuhan lima (5) panel bebas mengikut Akta SPRM yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Disember 2010;
- v) Berusaha untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh satu tahun, terutamanya kes yang membabitkan kepentingan awam supaya tidak tertunggak serta
- vi) menguatkuaskan hukuman yang lebih keras;
- vii) Membangunkan pangkalan data pesalah untuk tujuan ‘*name- and-shame*’ sebagai pencegahan tambahan, di mana pesalah rasuah didehdakan kepada umum.

Segala butiran lanjut mengenai insiatif-insiatif ini boleh didapati di dalam Pelan Hala Tuju GTP, yang telah diterbitkan di laman web www.transformation.gov.mv

Jawapan baai soalan (b)

Di bawah GTP, salah satu NKRA adalah **untuk meningkatkan taraf hidup isirumah yang berpendapatan rendah**. Salah satu Petunjuk Prestasi Utama Nasional atau *National Key Performance Indicator* (NKPI) bagi NKRA tersebut adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan dari 3.6% kepada 2.8% sebelum penghujung Disember 2010. Sememangnya, perhatian utama akan diberikan kepada Negeri Sabah yang merupakan negeri yang mencatatkan bilangan isi rumah miskin tegar dan miskin yang tertinggi.

Di antara langkah utama adalah melalui program pembasmian kemiskinan secara produktif, yang dikenali sebagai Program 1AZAM. Program ini akan ditawarkan kepada ketua isirumah dan ahli isirumah yang **produktif** bagi melatih dan membangunkan mereka melalui program penempatan pekerjaan (AZAM Kerja), peluang pertanian (AZAM Tani) dan perniagaan (AZAM Niaga) dan perkhidmatan (AZAM Khidmat) agar golongan ini dapat mendapat pendapatan supaya membawa keluarga mereka keluar daipada kepompong kemiskinan secepat mungkin. Untuk golongan miskin tegar dan miskin yang **tidak produktif** pula, bantuan kewangan akan terus diberikan kepada mereka supaya melepas Paras Garis Kemiskinan yang telah ditetapkan.

Kerajaan memang sangatlah komited terhadap pelaksanaan inisiatif— inisiatif di bawah GTP bagi tujuan menutup jurang kemiskinan khasnya bagi negeri Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA :	TUAN AARON AGO ANAK DAGANG
	[KANOWIT]
TARIKH	14 APRIL 2010
SOALAN	

Tuan Aaron Ago Anak Dagang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perbezaan dan persamaan (dari aspek jenis nyamuk, simptom, perubatan, dan lain-lain) di antara penyakit denggi dan chikungunya yang amat serius di negeri Sarawak baru-baru ini Nyatakan jumlah kes kedua-dua penyakit tersebut dalam tahun 2008 dan 2009 diseluruh Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009, negeri Sarawak telah mengalami wabak demam denggi dan chikungunya yang tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Dari pemantauan Kementerian Kesihatan mendapati kes demam denggi di Sarawak pada tahun 2009

adalah 4,490 kes, mencatat kenaikan sebanyak 195% (2,972 kes) berbanding tahun 2008 (1,517 kes) dan merupakan negeri kedua tertinggi menyumbang kepada peningkatan kes denggi seluruh negara selepas negeri Selangor (18,676 kes). Bagi penyakit chikungunya pula, pada tahun 2009, negeri Sarawak telah mencatatkan peningkatan kes yang amat tinggi iaitu 2,505 kes berbanding hanya 3 kes sahaja pada tahun 2008, dan merupakan penyumbang tertinggi bilangan kes chikungunya keseluruhan iaitu sebanyak 46% dari 5,430 kes.

Kedua-dua penyakit ini iaitu Chikungunya dan Demam Denggi adalah disebabkan oleh virus dan disebarluaskan oleh nyamuk Aedes. Namun penyakit Chikungunya disebarluaskan oleh nyamuk Aedes Albopictus yang kebanyaknya dijumpai di kawasan luar bandar manakala bagi penyakit Demam Denggi pembawa utama ialah Aedes Aegypti yang banyak di kawasan bandar. Cara jangkitan bagi kedua-duanya berlaku apabila seseorang individu itu digigit oleh nyamuk Aedes yang telah dijangkiti dengan virus penyakit tersebut.

Penyakit demam denggi disebabkan oleh jangkitan virus denggi yang terdiri daripada 4 jenis serotypes iaitu DEN-1, DEN-2, DEN-3 dan DEN-4 dan bagi penyakit Chikungunya disebabkan oleh Virus Chikungunya.

Gejala-gejala bagi kedua-dua penyakit ini juga hampir sama iaitu pesakit akan mengalami demam, sakit sendi, sakit badan dan ruam namun penyakit Chikungunya tidak menyebabkan komplikasi pendarahan yang menyebabkan kematian. Kesakitan sendi bagi penyakit Chikungunya berbeza daripada penyakit Demam Denggi kerana ia hanya boleh berlarutan sehingga melebihi sebulan,

Bagi kedua-dua penyakit ini tiada rawatan khusus atau vaksin, dan kaedah pengawalan penyakit yang paling berkesan adalah pemusnahan tempat pembiakan Aedes. Oleh itu pencegahan penyakit-penyakit ini amat penting dengan memastikan tiada tempat pembiakan Aedes di sekitar kediaman dan masyarakat perlu mengambil

peranan secara aktif dalam aktiviti ini.

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN :

DARIPADA **Y.B DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH **14.04.2010
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan laporan penuh penyiasatan Kerajaan berikutan kehilangan enjin jet *F-SE TUDM*, kerosakan kapal selam *Scorpene* dan pesawat *Sukhoi*. Nyatakan kes-kes kehilangan dan kecurian peralatan ATM dan nilai kerugiannya dalam tempoh 2000-2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kehilangan enjin Pesawat F5E adalah di bawah siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara bagi proses perundangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah teknikal yang dihadapi oleh kapal selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN adalah masalah biasa yang boleh dialami oleh mana-mana kapal selam lain di dunia. Secara khususnya kapal berkenaan tidak dibenarkan menyelam kerana mengalami sedikit masalah yang mungkin boleh menjelaskan keselamatan selaman. Ini adalah langkah keselamatan biasa pengendali kapal selam yang mengamalkan prosedur keselamatan yang sangat ketat. Masalah teknikal yang dihadapi telah pun diatasi oleh pembekal dan ujian selaman telah berjaya dilaksanakan pada 22 Februari 2010 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kecurian dan kehilangan peralatan tentera yang telah dilaporkan sejak tahun 2000 hingga 2009 adalah sebanyak 128 kes iaitu secara purata 13 kes setiap tahun. Selain daripada kes kecurian enjin pesawat jet F-5E, kes kehilangan dan kecurian peralatan ATM juga melibatkan peralatan seperti senjata, peluru, kenderaan, alat ganti, minyak, rangsum dan lain-lain harta yang menjadi milik ATM. Segala kes kehilangan dan kecurian peralatan ATM yang dilaporkan akan disiasat sama ada oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasa ATM dan di peringkat pasukan melalui Lembaga Siasatan (*Board of Inquiry*).

Kebanyakan kes kehilangan dan kecurian yang melibatkan peralatan ATM merupakan kes yang disedari pada peringkat awal di mana peralatan yang dilaporkan hilang atau kecurian telah dapat di kesan dan diperolehi semula oleh pihak berkuasa. Oleh itu, kadar nilai kerugian tersebut adalah kecil serta dalam keadaan terkawal. Tindakan tatatertib telah dikenakan terhadap anggota ATM yang didapati bersalah disebabkan kecuaian sehingga berlakunya kehilangan atau kecurian peralatan tersebut termasuklah mengenakan surcay sebagai tindakan korektif serta preventif.

Soalan No : 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN
(KENINGAU)

TARIKH

14.04.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [
KENINGAU]

minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai bilangan anak-anak Negeri Sabah yang telah dilatih sebagai guru-guru dalam tahun 2007, 2008, dan 2009 dan berapakah bilangan mereka yang telah dihantar untuk bertugas di Semenanjung serta Sarawak dalam tahun-tahun yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anak-anak tempatan Sabah yang telah dilatih sebagai guru dalam tahun 2007 hingga 2009 adalah seramai 3,790 orang. Pecahan ambilan pelatih tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

AMBILAN	KPLI	KPLSPM
Jan 2007	438	
Jun 2007		374
Jan 2008	923	
Jun 2008		349
Jan 2009	742	
Jun 2009	566	398

NO. SOALAN
DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

14 April 2010 [Rabu]

DARIPADA

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim
[Kuala Kedah]**

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai perancangan jangka panjang operasi Tabung Haji di Mekah Al-Mukaramah semasa musim haji bagi menghadapi pemodenan Kota Mekah yang dalam pembinaan, serta apakah manfaat yang akan diperolehi oleh jemaah haji Malaysia.

JAWAPAN: (YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan jangka panjang Lembaga Tabung Haji (TH) di Makkah dalam menghadapi arus pemodenan Kota Makkah adalah tertumpu kepada bidang-bidang berikut:-

- i) mendapatkan Bangunan Penginapan Jemaah Haji (BPJH) pada jarak dan kadar harga yang bersesuaian untuk jemaah haji Malaysia; dan
- ii) meningkatkan bimbingan kepada jemaah haji agar dapat

menyesuaikan diri pada suasana pemodenan yang sedang berlaku.

Dalam mencapai sasaran perancangan yang pertama di atas, TH mengambil tindakan berikut:-

- i) menilai tawaran-tawaran usahasama bagi membangunkan BPJH;
- ii) menimbangkan tawaran-tawaran penyewaan BPJH; dan
- iii) mengambil pegangan hak bagi beberapa tingkat bangunan untuk tempoh tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi. Contoh sedia ada ialah pegangan beberapa tingkat di Blok Hajar Tower di bawah Kompleks Abraj Al-Bait, Makkah, untuk tempoh 25 tahun.

Sekiranya perancangan ini dapat dilaksanakan, ia akan memberi manfaat kepada jemaah haji Malaysia dalam bentuk berikut:-

- i) mengawal kenaikan harga agar tidak kerap berubah dalam tempoh yang singkat;
- ii) memperolehi BPJH dalam jarak yang bersesuaian untuk jemaah haji Malaysia; dan
- iii) mendapatkan BPJH yang mempunyai ciri-ciri moden yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh jemaah haji.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATO' SERI ONG KA CHUAN
(TANJONG MALIM)**

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

SOALAN**Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim)**

minta

PERDANA MENTERI menyatakan tindakan perubahan yang drastik dari segi struktural, undang-undang dan sistem yang bakal diambil untuk meningkatkan tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan supaya ia lebih responsif kepada kehendak rakyat.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Kerajaan menyedari demi mencapai Wawasan 2020, perubahan yang drastik diperlukan dari segi pencapaian ekonomi, sosial dan juga perkhidmatan awam yang disediakan. Oleh itu, berdasarkan gagasan "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Pelan Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Programme* (GTP) yang sedang dilaksanakan menggunakan dua kaedah pengurusan prestasi korporat yang terbukti berkesan dan berjaya digunakan oleh kerajaan negara-negara maju iaitu Makmal dan petunjuk prestasi utama atau *key performance indicators* (KPI).

Berdasarkan kepada maklumbalas daripada rakyat, GTP telah menggariskan enam bidang keberhasilan utama atau *national key results area* (NKRA), iaitu mengurangkan jenayah, memerangi rasuah, mempeluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, peningkatan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasakan prasarana luar bandar dan pedalaman serta menambahbaik sistem pengangkutan awam.

Setiap NKRA diterajui oleh seorang Menteri peneraju, dengan disokong oleh beberapa Kementerian dan agensi yang lain yang berkaitan supaya bersama-sama memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah berdasarkan kepada hasil atau *outcome*. Di samping NKRA, setiap Kementerian perlu menyediakan bidang keberhasilan utama kementerian (*ministerial key results area*) masing-masing dan menyasarkan KPI-KPI agar perkhidmatan yang diberikan menepati sasaran-sasaran yang ditetapkan untuk memenuhi kehendak orang awam.

Dengan mengambilkira KPI bidang keberhasilan dan *outcome*, setiap Kementerian dan agensi perlu mengenal pasti dan menentukan bahawa ianya mempunyai struktur organisasi, bilangan perjawatan yang mencukupi, penjawat-penjawat yang berkemampuan dan bersikap positif, undang-undang dan peraturan-peraturan yang sesuai serta sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini.

Selain dari memberikan tumpuan kepada GTP, sektor perkhidmatan awam juga perlu memberi tumpuan kepada pelaksanaan Model Ekonomi Baru atau *New Economic Model* (NEM) untuk melonjakkan negara menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi melalui Rancangan Malaysia ke-10 yang akan bermula pada tahun 2011. Sebenarnya, NEM atau yang juga dikenali sebagai *Economic Transformation Plan* (ETP) akan didukung oleh GTP dan akan menggunakan konsep *National Key Economic Activities* (NKEA) sebagai inisiatif-inisiatif utama.

NO. SOALAN : 15

Melalui GTP dan ETP serta didorong oleh nilai-nilai teras dalam gagasan Malaysia, sektor perkhidmatan awam akan lebih bertanggungjawab terhadap program-program pembangunan yang dirancang dan responsif terhadap kehendak rakyat dalam penyediaan perkhidmatan yang diperlukan. Dengan ini, tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan akan sentiasa dipertingkatkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

[BATU]

TARIKH

14 APRIL 2010

SOALAN

Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Lembah Pantai) minta PERDANA MENTERI menyatakan spesifikasi tugas perincian perbelanjaan yang dianugerahkan kepada syarikat komunikasi APCO Worldwide Solutions. Apakah alasan kerajaan mengangkat APCO dan prosedur keselamatan dan perkongsian maklumat negara dengan APCO.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melantik APCO Worldwide Sdn Bhd untuk melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi secara menyeluruh. Ini bertujuan meningkatkan lagi kapasiti kerajaan dalam bidang komunikasi kerajaan agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia.

APCO Worldwide juga diminta menjayakan program komunikasi untuk meningkatkan imej Malaysia di luar negara. Ini bagi membetulkan imej negara kerana ada laporan media asing yang bersumberkan pihak di dalam dan luar negara yang menjaskannya imej negara dan pemimpinnya. Ini telah menjejas imej negara dan pemimpin serta menjejas kedudukan kita sebagai sebuah negara Islam yang progresif dan stabil. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa segala kerahsiaan maklumat dan prosedur keselamatan dipatuhi dalam urusannya dengan APCO.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK BILLY ABIT JOO
(HULU RAJANG)**

TARIKH 14 APRIL 2010 (Selasa)

SOALAN :

DATUK BILLY ABIT JOO [Hulu Rajang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada kaum Penan di Daerah Belaga akan dimasukkan dibawah kategori miskin tegar secara automatik kerana kaum ini adalah golongan sangat miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tumpuan program pembasmian kemiskinan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 turut memberi tumpuan yang lebih kepada kumpulan minoriti termasuklah Masyarakat Penan. Bagi isu Masyarakat Penan, Mesyuarat Focus Group Pembasmian Kemiskinan Pusat telah membuat keputusan pada 25 Februari 2008 agar kesemua 16,281 orang Masyarakat Penan yang mendiami Daerah Baram, Miri, Bintulu, Limbang dan Belaga dimasukkan dalam Program Pembangunan Khas Masyarakat Penan.

Ini bermakna Masyarakat Penan ini bukan sahaja dimasukkan kedalam senarai Miskin Tegar dan Miskin Tegar dalam eKasih, bahkan akan terus dilibatkan dalam pelbagai program pembangunan secara besepadu dan pembangunan kawasan seperti agropolitan dan pembangunan masyarakat setempat, termasuklah penyediaan keperluan asas, program penjanaan ekonomi dan pembangunan modal insan serta peningkatan aksesibiliti kepada kemudahan awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN
WAN ABDULLAH
[KOTA BHARU]

TARIKH 14 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah pendaftaran pemilih secara automatik akan dilaksanakan.

YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Jika hal ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan pemilih itu sendiri. Contoh, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka

seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan ini juga, jika dilaksanakan, amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan, kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhawatir ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhawatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjasakan imej negara di mata dunia. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

SOALAN

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan fenomena SMS dan juga "bloggers" yang berunsur fitnah dan berniat jahat terhadap negara ini dan juga Kerajaan perlu dibendung, adakah Kerajaan akan mewujudkan satu hukuman yang benar-benar berat terhadap pesalah laku supaya rakyat tidak diracuni fikiran mereka.

SOALAN NO : 33

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik, laman web atau blog serta pengirim SMS yang mempunyai kandungan yang melanggar undang-undang di Malaysia.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) telah memperuntukkan hukuman yang berat kepada pesalah terlibat. Seksyen 211 dan 233 AKM membolehkan mana-mana pihak yang menyediakan kandungan lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang, dikenakan denda tidak melebihi RM50 000 atau dipenjarakan tidak melebihi 1 (satu) tahun atau kedua-duanya.

Selain daripada AKM 1998, penjenayah siber juga tertakluk kepada semua undang-undang Malaysia seperti Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan. Bagi kesalahan kali pertama, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan ulangan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun.

Kerajaan berpandangan hukuman yang disediakan adalah memadai untuk mengawal kegiatan penyalahgunaan Internet dan

SMS serta tidak bercadang membuat pindaan pada masa ini.

Ak: S <

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

SJ.B/(123)

**DARIPADA TUAN WILLIAM LEONGJEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.04.2010 SO A U M W O - 24

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan alasan bagi kemerosotan/kejatuhan rizab antarabangsa Malaysia dan aliran wang keluar sebanyak RM355 bilion atau 60% KDNK dan langkah-langkah untuk meremedikan situasi.

dan

SJ.B/(124)

**DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.04.2010

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan sama ada trend pengaliran keuar modal dari Malaysia yang telah menjaskan kedudukan rizab antarabangsa pada tahun lalu, adalah suatu yang membimbangkan dan sekiranya begitu,

apakah langkah yang sedang dan akan dilaksanakan bagi mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Selayang dan Rembau yang dijadualkan pada hari ini memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, trend pengurangan rizab antarabangsa negara bermula sejak bulan Julai 2008, dan fenomena ini turut dialami oleh negara-negara iain termasuk di rantau Asia. Ini berpunca sebahagian besanya daripada krisis kewangan subprima di Amerika Syarikat yang teiah mengakibatkan kegawatan ekonomi dunia pada tahun 2009 dan seterusnya menggugat aliran modal dan perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kedudukan rizab antarabangsa negara sebenarnya teiah beransur meningkat kembali sejak pertengahan tahun 2009 iaitu daripada paras yang rendah RM320.7 bilion atau USD87.8 bilion pada akhir Mac 2009 kepada RM322.9 bilion atau USD91.5 billion pada akhir Jun 2009.

3. Malahan, paras rizab ini semakin bertambah sebanyak RM13.8 bilion kepada RM331.3 billion atau USD96.7 bilion pada tahun 2009 berbanding RM317.5 bilion atau USD91.5 bilion pada tahun 2008. Pertambahan jumlah rizab ini disumbangkan sebahagian besarnya oleh peningkatan aliran masuk bersih perdagangan dan perkhidmatan sebanyak RM 144.7 bilion. Pada tahun yang sama, jumlah aliran masuk bersih pelaburan portfolio turut mencatatkan lebihan sebanyak RM0.8 bilion berbanding dengan

defisit sebanyak RM84.4 bilion pada tahun 2008. Sejajar dengan trend peningkatan tersebut, paras terkini rizab negara iaitu pada Mac 2010 kekal kukuh sebanyak RM311.7 bilion atau USD95.3 bilion. Paras ini mampu menampung 8.8 bulan import tertangguh dan 4 kali lebih tinggi daripada hutang luarjangka pendek.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, paras rizab pada tahun 2009 merupakan 49.1% kepada Keiuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan saiz peratusannya adalah menggaiakkan meskipun negara berhadapan dengan krisis kewangan global yang amat mencabar. Kedudukan saiz peratusan rizab ini pula jauh lebih baik berbanding 32.2% pada tahun 2001 semasa ekonomi global berhadapan dengan impak serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat dan 35.1% pada tahun 1998 semasa krisis kewangan Asia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi memperkuuhkan lagi paras rizab negara, Kerajaan terus menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang lebih baik serta merancakkan lagi aktiviti mempromosi barang eksport negara dan meneroka pasaran baru serta menarik lebih ramai kemasukan pelancong asing. Langkah-langkah yang diambil untuk menarik pelancong asing telah menampakkan kesannya dengan peningkatan bilangan kemasukan pelancong asing kepada 23.6 juta orang pada tahun 2009 berbanding 22.0 juta orang pada tahun 2008. Ini juga disokong dengan langkah terkini Kerajaan untuk mengadakan pelbagai perjanjian perdagangan bebas dengan rakan dagang utama negara, termasuk Australia dan India.

6. Pelbagai langkah agresif dan inovatif telah pun diambil bagi

meningkatkan kegiatan pelaburan termasuk kemasukan pelaburan asing ke Malaysia, ini termasuk pengumuman semasa Seminar *Invest Malaysia 2009* pada 30 Mac bam-baru ini, antaranya langkah mengorporatkan Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) dan akan dinamakan semula sebagai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk membolehkannya lebih efektif sebagai satu agensi untuk mempromosi pelaburan. Di samping itu, pembangunan tanah di Sungai Buloh dan pembangunan beberapa bidang tanah di bandar raya dijangka akan menjana pelaburan baru.

7. Dengan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan, kegiatan pelaburan dijangka dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung dapat menarik pelaburan luar dan meningkatkan eksport negara. Dengan perkembangan positif ini, Kerajaan yakin usaha- usaha ini dapat memperkuuhkan lagi kedudukan rizab antarabangsa negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN

DARIPADA :

DAHLAN

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

SOALAN

N0.35

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan inisiatif program 'internship' kebangsaan yang melibatkan pelajar-pelajar IPTA/IPTS berkerja termasuk di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program *internship* atau latihan industri adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi bagi memenuhi syarat penganugerahan sijil, diploma dan ijazah sarjana muda masing-masing. Antara objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai alam pekerjaan yang sebenar, teknologi terkini, pengetahuan yang terbaru di pasaran, amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing, mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pelajar dengan organisasi.

Kementerian Pengajian Tinggi telah membentangkan Kerangka Dasar Latihan Industri kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan untuk dilaksanakan di peringkat IPT. Dasar ini akan dijadikan rujukan serta garispanduan kepada pembekal pendidikan dan latihan serta pihak industri.

Para pelajar dibenarkan untuk melaksanakan latihan industri di mana-mana tempat bersesuaian dengan program pengajian yang diambil termasuklah di Parlimen jika ia berkaitan.

SOALAN NO.36 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA **TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**
 [PADANG TERAP]

TARIKH JAWAPAN **14 APRIL 2010 (RABU)**

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN **NO. 36**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- (a) langkah-langkah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi meminimumkan impak sekiranya GST dilaksanakan; dan
- (b) dengan model industri air yang baru, adakah ia akan dijangkakan dapat mengurangkan tarif air khususnya di samping meningkatkan tahap "efficiency' syarikat operasi air dan mengurangkan tahap "Non Revenue Water' VNRW.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) baru sahaja akan dibentangkan oleh Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat. Oleh itu, butir-butir terperinci setakat mana perkhidmatan air akan dikenakan GST belum diumumkan lagi. Kementerian yakin Kerajaan telah memberi pertimbangan yang wajar bagi meminimumkan impak GST ke atas pengguna termasuk perkhidmatan air apabila ia dilaksanakan kelak.

Tuan Yang Dipertua,

- (b) Pelaksanaan model baru industri air yang dilaksanakan oleh Kerajaan menekankan kepada kecekapan perkhidmatan. Selari dengan itu, kadar tarif air akan

disemak berdasarkan kecekapan tersebut. Oleh yang demikian, kadar tarif yang dikenakan di bawah model ini bukan ditetapkan secara *pre-determined*, dengan izin. Sebaliknya, tarif tersebut akan ditentukan dan dikaji semula setiap tiga tahun bagi memastikan kadarnya berpatutan dan munasabah kepada pengguna serta syarikat operator air. Selain daripada itu, kecekapan perkhidmatan yang dianjurkan oleh model di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) juga menekankan kepada penurunan kadar kehilangan air tak berhasil (NRW), peningkatan kualiti air dan kecekapan kos operasi. Semua aspek ini akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui syarat dan terma lesen serta juga petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan model industri air di bawah Akta 655 tidak akan menjurus kepada pengawalan kadar tarif daripada meningkat secara mendadak. Secara umumnya, kadar tarif air di negara kita sangat rendah dan tidak selari dengan keperluan Capex dan peningkatan kos operasi industri tersebut. Walaupun begitu, sekiranya ada keperluan untuk menyelaraskan tarif air, ia perlu dibuat secara sistematik dengan mengambil kira prestasi KPI operator-operator air. Langkah ini dibuat bagi memastikan kewajaran menyelaraskan tarif tersebut pada kadar yang munasabah dan berpatutan kepada semua pihak, pengguna, operator air dan Kerajaan.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN SOALAN NO. 37

: LISAN

PERTANYAAN **Tuan William @ Nyallau Anak Badak**
DARIPADA **(Lubok Antu)**
14 April 2010 (Rabu)

TARIKH Tuan William @ Nyallau Anak Badak (Lubok Antu) minta
SOALAN **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan bagaimana cadangan dari pihak kementerian untuk memajukan penternak ikan sangkar di Empangan Batang Ai, Lubok Antu seperti yang diumumkan kelulusannya semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke Lubok Antu pada bulan Julai tahun lalu.

JAWAPAN **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,**
Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak telah mengenal pasti kawasan seluas 840 hektar di Empangan Batang Ai untuk dizonkan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) iaitu membangunkan projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar secara komersial. Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama-sama Jabatan Pertanian Sarawak bertanggungjawab dalam menyediakan perancangan makro

dan pembinaan infrastruktur asas seperti jeti dan kemudahan pendaratan hasil bagi membangunkan sumber perairan ini secara terancang dan mapan. Para pengusaha juga digalakkan memperoleh pengiktirafan Skim Perladangan Akuakultur Malaysia (SPLAM) yang berasas Amalan Pertanian Baik daripada Jabatan Perikanan Malaysia untuk menggalakkan pengeluaran hasil yang berkualiti dan memenuhi syarat kesihatan pengguna.

Daripada seluruh kawasan tersebut, hanya 10 peratus iaitu 84 hektar dibangunkan untuk projek ternakan ikan dalam sangkar tanpa menjelaskan kualiti air dan alam sekitar di kawasan ini. Sekiranya keseluruhan 84 hektar kawasan dibangunkan sepenuhnya iaitu dengan kapasiti sebanyak 20,000 sangkar bersaiz 6m x 6m, dijangka pengeluaran ikan air tawar daripada projek ternakan ini adalah 6,600 tan metrik setahun dengan nilai RM13.2 juta. Selain itu, terdapat juga pengeluaran ikan air tawar sebanyak 500 tan metrik setahun daripada 2,000 sangkar oleh beberapa penternak sedia ada di Batang Ai. Terdapat sebuah syarikat iaitu Syarikat Able Asia Sdn.Bhd. telah menjalankan aktiviti ternakan ikan air tawar dan juga aktiviti pemprosesan filet tilapia.

Di bawah Program *High Impact Project Zon Industri Akuakultur (HIP-ZIA)*, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melantik konsultan untuk menjalankan kajian Environmental Impact Assessment (EIA) dan menyediakan Pelan Pembangunan Akuakultur di kawasan ini menerusi *State Planning Authority (SPA) Sarawak*.

Bagi tujuan memajukan penternak ikan dalam sangkar di

Empangan Batang Ai, Lubok Antu, Program-program di bawah HIP/ZIA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Jabatan Perikanan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM625.217.40 untuk membaikpulih Stesen Perikanan Darat Batang Ai yang dimiliki oleh Jabatan Pertanian Sarawak.

Selain itu, RM150,000.00 juga telah diperuntukkan untuk pembelian bot laju. Lain-lain pembangunan adalah pembaikan jalan masuk, pembekalan air, elektrik, bangunan dan lain-lain berjumlah RM950,000.00.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

LISAN

DARIPADA

TUAN AMRAN BIN AB. GHANI

[TANAH MERAH - PKR]

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

Soalan No: 38

SOALAN

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah - PKR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan**

- (a) senaraikan syarikat-syarikat yang pernah diberikan tender untuk menjayakan Sukan Malaysia (SUKMA) dalam temasya berkenaan yang lepas di Terengganu; dan
- (b) jumlah perbelanjaan Kerajaan yang perlu diperuntukkan setiap kali berlangsung temasya berkenaan.

JAWAPAN:

- (a) Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Kerajaan Negeri Terengganu selaku tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) kali Ke-12 pada tahun 2008 yang lalu, pihak pengajur telah melantik sebanyak **550 buah syarikat untuk tender pengeiolaan** dan **8 buah syarikat bagi tender infrastruktur (oleh JKR)** menjadikan jumlah keseluruhan 558 buah syarikat.
- (b) Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan telah menyumbangkan bantuan tetap sebanyak **RM1 juta** kepada tuan rumah Sukan Malaysia

(SUKMA) dari edisi pertama pada tahun 1986 (Kuala Lumpur) hingga edisi ke-11 tahun 2006 (Kedah). Bagi edisi ke-12 tahun 2008 di Terengganu, Kementerian telah menyumbangkan sebanyak **RM 1.5 juta** iaitu tambahan sebanyak RM500 ribu atas sebab pertambahan kos yang melibatkan pengambilan ramai pegawai teknikal sukan dari luar Negeri Terengganu.

NO SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO⁵ HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
TARIKH	(SETIAWANGSA)
	14 APRIL 2010 (Selasa)

SOALAN

DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA] Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah prestasi pelaksanaan projek- projek pembangunan di bawah RMK-9 dan nyatakan juga sebab-sebab berlakunya kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek tersebut.

JAWAPAN

Prestasi pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMK-9 bagi tempoh sehingga 28 Februari 2010 telah mencapai 74.9% atau RM RM172.2 bilion daripada siting peruntukan yang disediakan sebanyak RM230.0 bilion. Jumlah projek pembangunan yang telah diluluskan adalah sebanyak 26,823 projek.

Prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah RMK-9

sehingga 28 Februari 2010 adalah seperti berikut:

	Jumlah P * k	
Belum Mula	705	2.6
Dalam Pelaksanaan	15,636	3
Sudah Siap	10,482	58.2
Jumlah Projek	26,823	9
		39.0
		8
		100.00

Kelewatan di dalam pelaksanaan projek-projek RMK-9 kerap berlaku di peringkat pra-pelaksanaan dan di peringkat pembinaan. Bagi peringkat pra-pelaksanaan, di antara punca kelewatan projek adalah masalah tanah, setinggan dan pengalihan utiliti. Bagi peringkat pembinaan pula, masalah kelemahan kontraktor dari segi pengurusan, kewangan serta tenaga kerja dan kekurangan bahan binaan di pasaran, sering berbangkit.

SOALAN NO : 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA :	DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
T ARIKH	[TITIWANGSA]
	14 APRIL 2010

SOALAN

Dr. Lo' Lo' Binti Mohamad Ghazali (Titiwangsa) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan prosedur pemberian lesen kepada klinik-klinik pergigian dan perubatan serta berapa peratus klinik-klinik ini yang beroperasi secara berdaftar dan berapa banyak pula tidak berdaftar dengan Kementerian

Tuan Yang di-Pertua,

Semua klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta perlu didaftarkan selaras dengan kehendak Seksyen 4, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006. Prosedur permohonan pendaftaran tersebut adalah memohon untuk didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan menggunakan Borang A secara manual atau *on-line* di alamat <http://medpcs.moh.gov.my> melalui Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan mengikut lokasi klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta yang berkenaan. Dokumen sokongan dan fi pemprosesan perlu dikemukakan

secara manual ke Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan yang berkenaan.

Permohonan akan disemak di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan dan surat tiada halangan akan dikeluarkan untuk membolehkan pemohon membuat pengubahsuaian premis mengikut kehendak Akta 586 dan peraturan-peraturannya. Pemohon perlu memaklumkan Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan setelah premis tersebut sedia untuk pemeriksaan pra-pendaftaran. Permohonan dan hasil lawatan pemeriksaan akan dikemukakan ke Ibu Pejabat di Putrajaya untuk semakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Lesen dan Pendaftaran Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta. Jawatankuasa akan menentukan samada permohonan tersebut diperakui lulus, tangguh atau ditolak sebelum dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk persetujuan dan kelulusan. Pemohon seterusnya akan dimaklumkan mengenai keputusan mesyuarat. Perakuan pendaftaran akan dikeluarkan sekiranya diperakui lulus setelah fi pengeluaran dibayar.

Sehingga 24 Februari 2010, sejumlah 6725 klinik perubatan swasta telah didaftarkan dan sejumlah 211 permohonan sedang diproses. Manakala bagi klinik pergigian swasta sejumlah 1548 telah didaftarkan dan 45 permohonan sedang diproses.

KKM tiada rekod mengenai bilangan klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta yang tidak berdaftar. KKM akan mengambil tindakan segera ke atas mana-mana klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta yang dikenalpasti tidak berdaftar dengan mengarahkan pemilik untuk mematuhi kehendak Akta 586 dan peraturan-peraturannya. Bagi mana-mana pihak yang tidak akur, KKM akan mengambil tindakan sewajarnya.

**KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B (122)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA**

DARIPADA**TUAN CHUA TEE YONG
(LABIS)****PERTANYAAN****:LISAN****TARIKH**

: 14.04.2010

ScAiAH N<?

4-1

Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan "Goods and Services Tax" tidak membebankan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah.

JAWAPAN:**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli - ahli Yang Berhormat, di dalam memastikan rakyat tidak dibebankan dengan pelaksanaan GST, Kerajaan akan menetapkan kadar GST pada kadar yang lebih rendah daripada kadar cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada. Selain daripada itu, pengecualian juga akan diberikan ke atas beberapa kumpulan makanan dan perkhidmatan asas antaranya beras, tepung, gula, minyak masak, sayur-sayuran, ikan, daging dan pengangkutan awam serta tol iebuhraya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

**DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]**

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

SOALAN

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilakah Kerajaan Pusat akan mengembalikan status Bandaraya Warisan kepada Georgetown kerana telah diisyiharkan oleh UNESCO. Dan apakah syarat-syarat yang dikenakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bandar George Town telah pun diberikan statusnya sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh pihak UNESCO pada 7 Julai 2008 di bawah pencalonan Melaka and George Town Historic Cities of The Straits of Malacca di mesyuarat warisan dunia di Quebec City.

Pada tahun 2009 World Heritage Committee UNESCO dapati bahawa

SOALAN NO: 44

George Town telah melanggar syarat perjanjian dengan membina bangunan melebihi daripada 18 meter ketinggian. Oleh yang demikian kerajaan pusat sebagai *State Party* terpaksa membetulkan keadaan supaya pengiktirafan ini tidak ditarik balik. Kerajaan pusat telah berjaya mempertahankan Status George Town sebagai Bandaraya Warisan Dunia dengan kerjasama kerajaan negeri.

Status George Town sebagai Bandaraya Warisan Dunia tidak ditarik balik oleh UNESCO dan statusnya adalah seperti keadaan asal.

SOALAN NO: ^3
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH

14 April 2010 SOALAN

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah Kerajaan akan berunding dengan Kerajaan Brunei Darussalam mengenai pembinaan jambatan Sungai Pandaruan yang menyeberangi Sungai Pandaruan, Limbang menuju ke Daerah Temburung, Brunei Darussalam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar akan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk Sabah dan Sarawak yang terpaksa berulang alik antara negeri dengan melalui jalan raya Pan Borneo selain terpaksa menempuh kesesakan di Sungai Pandaruan dan Sungai Trusan akibat penggunaan feri. Para penduduk juga terpaksa menempuh beberapa pos imigresen dan kastam sehingga menyebabkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya dan juga telah meningkatkan masa dan kos perjalanan.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian telah mengambil inisiatif dengan membentangkan memorandum Jemaah Menteri pada 13 November 2009 mengenai cadangan menaiktaraf jambatan dan jalan raya di sepanjang laluan dari Miri, Sarawak ke Kota Kinabalu, Sabah merentasi Brunei Darussalam. Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan pembinaan sebuah jambatan baru merentasi Sungai Pandaruan dan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam RMKe-10 dengan

anggaran kos pembinaan sebanyak RM25 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan perkara ini, pihak Kementerian telah memasukkan cadangan pembinaan jambatan ini dalam senarai RMKe-10 dengan keutamaan tinggi. Walau bagaimanapun, perundingan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Brunei mengenai pembinaan jambatan tersebut masih diperhalusi oleh Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Luar Negeri. Satu mesyuarat ‘*inter-agency*’ akan diadakan dalam masa terdekat di antara kedua-dua Kementerian untuk menyelaras maklumat sebelum rundingan tersebut diadakan. Ini untuk memastikan kepentingan Kerajaan Malaysia terpelihara.

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA **YB DR. LEE BOON CHYE**

TARIKH **14 APRIL 2010 (RABU)**

AGENSI MENJAWAB: **UNIT PERLAKSANAAN PENGURUSAN PRESTASI INPUT
JABATAN PEGUAM NEGARA**

SOALAN **Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Rang Undang-Undang anti-diskriminasi ras tidak dijadikan sebahagian daripada gagasan 1 Malaysia dan GTP.

JAWAPAN: (**YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon**)

Prinsip keadilan sosial yang termaktub dalam konsep 1 Malaysia dan GTP adalah berteraskan Perlembagaan Persekutuan yang tidak membenarkan sebarang pembezaan terhadap semua warganegara di bawah Perkara 8 dan 12 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, di samping memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong mempunyai tanggungjawab untuk melindungi kepentingan-kepentingan sah bagi kaum-kaum lain di Malaysia.

Fasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa "semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang." Fasal (2) Perkara 8 pula memperuntukkan bahawa "kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini tidak boleh ada pembezaan terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.".

Fasal (1) Perkara 12 pula melarang diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan dan tempat lahir dalam aspek pendidikan yang antara lainnya mengenai kemasukan pelajar ke institusi pendidikan atau pembayaran fi dan juga bantuan kewangan.

Walaubagimanapun, apa juah yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal (2) Perkara 153 memperuntukkan Yang diPertuan Agong hendaklah menjalankan tugas-tugasnya dalam sesetengah perkara untuk menentukan perezapan seperti jawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa, danasiswa, keistimewaan pendidikan atau latihan dan pemberian permit atau lesen bagi memelihara hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera negeri Sabah dan Sarawak serta kaum-kaum lain.

Di samping itu, selaras dengan Gagasan 1 Malaysia dan penekanannya terhadap keadilan sosial sebagai salah satu daripada teras utamanya, kerajaan sedang mengambil langkah-langkah di bawah Program Transformasi Kerajaan atau Government Transformation Programme (GTP) dan Model Ekonomi Baru atau New Economic Model (NEM) untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan akan mendapat layanan yang adil dan saksama tanpa mengira kaum. Dalam hal ini.prinsip keadilan sosial dalam Gagasan1 Malaysia sejahtera dengan Perkara 8 dan 12 mahupun Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Budaya berpretasi tinggi yang merupakan satu antara lapan nilai-nilai murni Gagasan 1 Malaysia memastikan setiap perkara dan setiap tugas yang dilakukan mencapai tahap yang terbaik. Sikap sambil lewa dan "acuh tak acuh"tidak boleh wujud dalam masyarakat yang berdaya maju. Oleh itu, fokus kita mesti beralih kepada arah untuk memastikan prestasi dan *outcome* yang tinggi. Dengan itu, kerajaan melalui Transformasi Ekonomi dan Transformasi Kerajaan memastikan semua rakyat Malaysia diberi peluang secukunya untuk berjaya dan berdaya saing.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA untuk meningkatkan kualiti hidup bagi isirumah berpendapatan rendah, mana-mana isirumah dengan jumlah

pendapatan yang kurang daripada RM2,000.00 yang ditafsirkan sebagai paras berpendapatan rendah, akan menerima bantuan tanpa mengira kaum melalui program seperti “1Azam” dengan memberi peluang pekerjaan, perniagaan dan perkhidmatan kepada mereka yang berkeupayaan fizikal.

Di bawah NEM, telah dicadangkan supaya mereka yang duduk di paras bawah 40 peratus dari segi pendapatan akan menerima bantuan dan manfaat yang layak diterima, tanpa mengira kaum dan latarbelakang. Di samping itu, NEM akan memastikan bahawa sebarang tindakan afirmatif (*affirmative action*) akan berdasarkan kepada keperluan dan mesra pasaran (*market friendly*), lanya akan menjamin bahawa tidak ada warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan akan dinafikan secara tidak adil. Untuk menjamin NEM dilaksanakan secara adil, NEM juga mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Peluang Saksama atau *Equal Opportunity Commission*.

Oleh kerana terdapat perlindungan dari segi Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedia ada serta langkah-langkah positif dan membina melalui GTP dan NEM yang akan dilaksanakan, maka adalah tidak perlu untuk diadakan satu Akta Anti-Diskriminasi buat masa ini.

Mr:

46

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

SJ.B/(123)

DARIPADA

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.04.2010

Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan alasan bagi kemerosotan/kejatuhan rizab antarabangsa Malaysia dan aliran wang keluar sebanyak RM355 bilion atau 50% KDNK dan langkah-langkah untuk meremedikan situasi.

dan

SJ.B/(124)

PERTANYAAN ; LISAN

TARIKH 14.04.2010 Ho

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada trend pengaliran keluar modal dari Malaysia yang telah menjaskan kedudukan rizab antarabangsa pada tahun lalu, adalah suatu yang membimbangkan dan sekiranya begitu,

apakah langkah yang sedang dan akan dilaksanakan bagi mengatasinya,

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Selayang dan Rembau yang dijaduaikan pada hari ini memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, trend pengurangan rizab antarabangsa negara bermula sejak bulan Julai 2008, dan fenomena ini turut dialami oleh negara-negara lain termasuk di rantau Asia. Ini berpunca sebahagian besanya daripada krisis kewangan subprima di Amerika Syarikat yang tejah mengakibatkan kegawatan ekonomi dunia pada tahun 2009 dan seterusnya menggugat aliran modal dan perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kedudukan rizab antarabangsa negara sebenarnya telah beransur meningkat kembali sejak pertengahan tahun 2009 iaitu daripada paras yang rendah RM320.7 bilion atau USD87.8 bilion pada akhir Mac 2009 kepada RM322.9 billion atau USD91.5 bilion pada akhir Jun 2009.

3. Malahan, paras rizab ini semakin bertambah sebanyak RM13.8 bilion kepada RM331.3 billion atau USD96.7 bilion pada tahun 2009 berbanding RM317.5 bilion atau USD91.5 bilion pada tahun 2008. Pertambahan jumlah rizab ini disumbangkan sebahagian besarnya oleh peningkatan aliran masuk bersih perdagangan dan perkhidmatan sebanyak RM144.7 bilion. Pada tahun yang sama, jumlah aliran masuk bersih pelaburan portfolio turut mencatatkan lebihan sebanyak RM0.8 bilion berbanding dengan defisit sebanyak RM84.4 bilion pada tahun 2008. Sejajar dengan trend peningkatan

tersebut, paras terkini rizab negara iaitu pada Mac 2010 kekal kukuh sebanyak RM311.7 biiion atau USD95.3 bilion. Paras ini mampu menampung 8.8 bulan import tertangguh dan 4 kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, paras rizab pada tahun 2009 merupakan 49.1% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan saiz peratusannya adalah menggaiakkan meskipun negara berhadapan dengan krisis kewangan global yang amat mencabar. Kedudukan saiz peratusan rizab ini pula jauh lebih baik berbanding 32.2% pada tahun 2001 semasa ekonomi global berhadapan dengan impak serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat dan 35.1% pada tahun 1998 semasa krisis kewangan Asia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi memperkuuhkan lagi paras rizab negara, Kerajaan terus menyediakan persekitaran pembiagaan dan pelaburan yang lebih baik serta merancakkan lagi aktiviti mempromosi barang eksport negara dan meneroka pasaran baru serta menarik lebih ramai kemasukan pelancong asing. Langkah-langkah yang diambil untuk menarik pelancong asing telah menampakkan kesannya dengan peningkatan bilangan kemasukan pelancong asing kepada 23.6 juta orang pada tahun 2009 berbanding 22.0 juta orang pada tahun 2008. Ini juga disokong dengan langkah terkini Kerajaan untuk mengadakan pelbagai perjanjian perdagangan bebas dengan rakan dagang utama negara, termasuk Australia dan India.

6. Pelbagai langkah agresif dan inovatif telah pun diambil bagi meningkatkan kegiatan pelaburan termasuk kemasukan pelaburan asing ke

Malaysia. Ini termasuk pengumuman semasa Seminar *Invest Malaysia 2009* pada 30 Mac baru-baru ini, antaranya langkah mengkorporatkan Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) dan akan dinamakan semula sebagai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk membolehkannya lebih efektif sebagai satu agensi untuk mempromosi pelaburan. Di samping itu, pembangunan tanah di Sungai Buloh dan pembangunan beberapa bidang tanah di bandar raya dijangka akan menjana pelaburan baru.

7. Dengan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan, kegiatan pelaburan dijangka dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung dapat menarik pelaburan luar dan meningkatkan eksport negara. Dengan perkembangan positif ini, Kerajaan yakin usaha- usaha ini dapat memperkuuhkan lagi kedudukan rizab antarabangsa negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

(TELOK KEMANG)

TARIKH 14 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) minta **MENTERI KESIHATAN menyatakan**

- (a) punca serta langkah Kerajaan dalam mengurangkan jumlah 3 juta orang pesakit mental dalam negara; dan
- (b) apakah jumlah berkenaan terus meningkat tahun ke tahun sehingga ia menjadi angka yang sangat membimbangkan iaitu sekitar 10% daripada populasi rakyat Malaysia.

SOALAN NO. 46

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Mengikut data yang sedia ada, jumlah pesakit mental (*meliputi schizophrenia, schizotypal, delusional disorders dan mood affective disorders*) adalah dianggarkan sebanyak 5% (anggaran 1.35 juta) dari penduduk Malaysia dan bukanlah mencapai 3 juta seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Walaubagaimanapun, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan ke-III (*NHMS 3*) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2006 mendapati bahawa prevalen masalah kesihatan mental di kalangan orang

dewasa adalah sebanyak 11.2% (atau lebih kurang 3 juta). Ini tidak merujuk kepada pesakit mental.

Terdapat tujuh (7) faktor yang boleh menyumbang berlakunya masalah kesihatan mental di kalangan seseorang individu iaitu:

- Individu-individu yang mengalami sejarah hidup yang pahit/tragedi seperti kehilangan orang yang disayangi,
- Individu yang banyak mengalami krisis hidup seperti masalah perhubungan atau penceraian
- Individu yang mengalami konflik keluarga
- Individu yang banyak mengalami cabaran hidup yang sukar;
- Ciri-ciri khusus individu itu sendiri termasuk harga diri yang rendah (*self-esteem*) dan kurang kemahiran daya tindak (*coping skills*)
- Keadaan sosio-ekonomi yang rendah seperti masalah kewangan, faktor kemiskinan, tiada kemudahan-kemudahan asas, tempat tinggal yang sesak.
- Berlakunya keganasan dalam persekitaran.

Bagi menangani masalah kesihatan mental ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Promosi Kesihatan Mental dilaksanakan melalui Kempen Cara Hidup Sihat di seluruh negara semenjak tahun 2000 dengan memberi fokus kepada Menangani Stres. Aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental dan penyakit mental termasuklah saringan kesihatan mental seperti pameran, ceramah, dialog, forum dan bengkel latihan kemahiran menangani stres telah diteruskan sehingga kini. Aktiviti promosi juga dilaksanakan melalui media. Modul Menangani Stres turut dibentuk untuk memberi kemahiran daya tindak kesihatan mental kepada masyarakat.

Bahan-bahan pendidikan kesihatan mental tentang pencegahan penyakit mental, penjagaan kesihatan mental dan pengesanan awal penyakit mental seperti anjieti dan kemurungan dalam bentuk risalah dan poster turut diterbit dan diedarkan. Maklumat mengenai kesihatan

mental dan penyakit mental turut disalurkan melalui media massa

Rangka Kesihatan Mental (*Blueprint of Mental Health Framework*) telah dibentuk pada tahun 2002 mengariskan strategi-strategi promosi kesihatan mental, pengesahan awal penyakit mental, rawatan dan susulan kepada pesakit mental serta pemulihan psikososial.

Bagi merawat pesakit mental, Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di 4 institusi dan 37 hospital-hospital kerajaan dengan 109 pakar psikiatri, 2 orang Pegawai Psikologi Klinikal, 20 orang kaunselor bertauliah dan 57 pegawai psikologi (yang menjalankan tugas-tugas kaunseling),

Di peringkat komuniti, sejumlah 671 (83%) klinik kesihatan disediakan untuk memberikan Perkhidmatan Rawatan Susulan bagi pesakit mental yang telah stabil dan 26 daripadanya menjalankan Perkhidmatan Pemulihan Psikososial bagi meningkatkan kefungsian psikososial pesakit mental. Dengan cara ini, pesakit-pesakit yang telah tamat rawatan di hospital akan terus menerima rawatan di peringkat komuniti sebagai pesakit luar di klinik-klinik kesihatan yang berdekatan dengan rumah mereka. Seramai 174 pakar-pakar perubatan keluarga ditempatkan di klinik-klinik kesihatan ini bagi mengesan awal dan memberi rawatan kepada pesakit yang dikenalpasti mempunyai gangguan dan penyakit mental.

Garis Panduan Amalan Klinikal bagi Pengendalian Kemurungan (*Clinical Practice Guideline on Management of Depression*) dan Skizofrenia telahpun dihasilkan pada tahun 2008 untuk melatih

anggota kesihatan dari pelbagai kategori seperti Pakar Perubatan Keluarga, pembantu perubatan dan jururawat bagi mengesan penyakit mental secara awal.

(vii) Latihan Kesihatan Mental kepada pakar dan anggota kesihatan terus dilaksanakan secara berkala supaya mereka dapat mengesan dan memberi rawatan secara efektif.

Dari segi bilangan kes gangguan mental dan tingkahlaku, ianya tidak menunjukkan tren peningkatan dari tahun ke tahun. Walaubagaimanapun, masalah kesihatan mental didapati telah meningkat dalam masa sepuluh (10) tahun di mana Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan telah menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental di kalangan orang

dewasa dari 10.6% (*NHMS 2, 1996*) kepada 11.2% (*NHMS 3, 2006*) dan ini dijangka akan terus meningkat sekiranya tiada usaha-usaha gigih dijalankan bagi menangani masalah tersebut. Peningkatan ini juga selari dengan Kajian WHO, *Global Burden of Disease, 2000* yang menjangkakan bahawa kemurungan (*depression*) akibat daripada masalah kesihatan mental akan menduduki tempat kedua dalam *ranking* sepuluh (10) penyakit teratas yang disenaraikan menjelang 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO'
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI

MOHAMED SAID

[KUALA KRAU]

TARIKH 14 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah sambutan klinik 1 Malaysia yang dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri pada 7 Januari 2010 dan impaknya kepada rakyat sesuai dengan gagasan 1 Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan'

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan yang lain menyentuh isu berkaitan klinik 1 Malaysia iaitu pertanyaan daripada YB Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] bertarikh 15 April 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya terdapat 50 Klinik 1 Malaysia yang telah pun beroperasi bermula 7 Januari 2010. Kesemua klinik ini telah diumumkan semasa pembentangan

belanjawan 2010 oleh YAB Perdana Menteri dan telah beroperasi sepenuhnya. Klinik 1 Malaysia telah mendapat sambutan yang baik dari penduduk setempat yang menyifatkannya sebagai langkah wajar kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada semua golongan masyarakat. Mereka juga berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan di mana kedatangan Klinik 1 Malaysia mencecah 170,204 orang sejak pelancaran sehingga 28 Februari 2010. Sambutan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- (a) Lokasi Klinik yang terletak dengan tempat tinggal memudahkan pesakit di kawasan sekitar mendapatkan rawatan serta menjimatkan kos pengangkutan
- (b) Waktu operasi Klinik yang lebih mesra pelanggan iaitu dari jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam amatsesuai untuk mereka yang bekerja pada waktu siang hari
- (c) Bayaran minimum sebanyak RM 1.00 bagi warganegara dan RM 15.00 bagi bukan warganegara adalah amat berpatut terutama bagi pelanggan yang kurang berkemampuan.

Bagi tujuan promosi Klinik 1 Malaysia pula, ia dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing untuk dihebahkan kepada penduduk setempat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

NO. SOALAN : 48

DARIPADA **Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar]**

TARIKH **14 April 2010**

SOALAN

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta PERDANA MENTERI bertanyakan usaha-usaha yang telah diambil dan akan diambil untuk memastikan hak-hak asasi manusia terpelihara seperti tertera dalam

Artikel 6 "The International Covenant on Civil and Political Rights 1966, which states that; Every human being has the inherent right to life. This right shall be protected by law. No one shall be arbitrarily deprived of his life."

Serta Artikel 7 "The International Covenant on Civil Political Rights 1966, which states that: No one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment"

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, hak individu untuk hidup dan kebebasan diri sudah termaktub dan diperjelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Perkara 5. Di bawah perkara berkenaan antara lain disebut bahawa “Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang”.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Malaysia tidak menandatangani International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) iaitu piawaian mengenai hak-hak sivil dan politik termasuk hak-hak mengenai nyawa dan kebebasan bersuara, bergerak dan berpersatuan (*freedom of movement and association*). Ini kerana sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan agama, hak-hak asasi manusia ini ada batasannya.

Sensitiviti rakyat perlu dijaga agar ianya tidak menimbulkan kekacauan dan huru-hara yang boleh menggugat keamanan dan kesejahteraan negara.

Kerajaan perlu memastikan bahawa perundangan negara ini adalah selaras dengan peruntukan dalam instrument-instrumen antarbangsa berkaitan hak asasi manusia serta mengkaji reservasi-reservasi yang ada sebelum menganggotai dan meratifikasi konvensyen tersebut. Pelaksanaan obligasi-obligasi dalam sesuatu triti adalah tertakluk kepada situasi domestik negara. Sebagai sebuah negara yang progresif dan prihatin, Malaysia sentiasa berusaha untuk menjaga dan melindungi hak asasi manusia yang secara tidak langsung sejajar dengan standard minimum yang ditetapkan dalam konvensyen-konvensyen antarabangsa tersebut.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

**DATUK NUR JAZLAN BIN
MOHAMED [PULAI]**

14 APRIL 2010

TARIKH

SOALAN

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta MENTERI PENGANGKUTAN

menyatakan sama ada Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam berhak untuk menyekat rakyat Singapura dari mendapatkan latihan penerbangan dengan pelatih Kelab Penerbangan swasta di Lapangan Terbang Senai. Sila jelaskan dasar Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan juruterbang swasta di Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Ketua Pengarah Penerbangan Awam tidak berhak menyekat mana-mana rakyat luar Negara termasuk rakyat Singapura untuk mendapatkan latihan penerbangan di Malaysia sekiranya mereka memenuhi semua syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

Berhubung pertanyaan kedua, Kerajaan sentiasa menggalakkan pelatih-pelatih juruterbang-juruterbang swasta dari dalam dan luar Negara untuk mendapatkan latihan di sekolah-sekolah penerbangan di Negara ini.

Maklumat tambahan

1. Latihan penerbangan adalah dibuat di sekolah penerbangan dan bukan kelab penerbangan swasta seperti yang dinyatakan oleh Y.B. Pulai. Ini adalah kerana Kelab Penerbangan ditubuhkan untuk menggalakkan aktiviti penerbangan rekreasi untuk rakyat Malaysia.
2. DCA bertanggungjawab memastikan latihan yang dibuat di sekolah-sekolah penerbangan di Negara ini adalah dijalankan mengikut Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 (Peraturan 45). Antara syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh pelatih dari luar negara adalah:
 - (a) memenuhi kelayakan dan kompetensi penerbangan yang ditetapkan
 - (b) perlu lulus tapisan keselamatan KEmenterian Dalam Negeri
 - (c) mendapat Pas Pengajian atau pun Pas Ikhtisas daripada Jabatan Imigresen
3. Pada masa ini terdapat 8 buah sekolah penerbangan yang telah diluluskan dan dipantau oleh DCA serta KEmenterian Pengangkutan. Sekolah-sekolah penerbangan tersebut telah Berjaya melahirkan sebanyak 1073 juruterbang profesional pada tahun 2009 seperti berikut:

Pusat Penerbangan	Latihan	Lokasi (Lapangan Terbang)	Jumlah Pelajar (2009)
Malaysian Academy	Flying	Batu Berendam, Melaka	177
HM Aerospace		Langkawi, Kedah	192
Integrated Training Services	&	Ipoh, Perak	156
Gulf Golden Square		Bintulu, Sarawak	124
Asia Pacific Flight Academy		Kota Bahru, Kelantan	289
KL International Flying Academy		Senai, Johor	122
Austral Academy		Sandakan, Sabah	13
KISTA		Kuala Terengganu, Terengganu	-
Jumlah			1073

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN **SOALAN NO : 50**
DARIPADA **DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**
[KOTA RAJA]
TARIKH **14 APRIL 2010**
SOALAN

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah kes yang ditangani oleh OSCC di seluruh negara dan peratusan jenis-jenis kes yang didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada statistik yang dikumpulkan sejumlah 34,331 kes telah ditangani oleh OSCC diseluruh negara daripada tahun 2005 sehingga 2009. Daripada jumlah ini kes penderaan wanita mencatatkan bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 16,671 kes (48.6%) diikuti dengan kes rogol sebanyak 11,105 kes (32.3%), kes penderaan kanak-kanak sebanyak 3,685 kes (10.7%) dan kes lain- lain sebanyak 2,870 kes (8.4%).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH

14 APRIL 2010 (RABU)

DARIPADA

SOALAN (51)
Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH
(DUNGUN)

SOALAN

Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH (DUNGUN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan Kerajaan kepada kedai serbaneka 24 jam yang menjual arak secara bebas kepada orang awam sedangkan pekerjaannya terdiri daripada orang Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen menjual minuman keras dikeluarkan oleh Pejabat Daerah menerusi Jawatankuasa Pelesenan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan ahli kepada jawatankuasa tersebut. Undang-undang yang berkaitan dengan pelesenan penjualan minuman keras adalah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176) di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

PBT hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan berdasarkan Undang- Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing. PBT tiada kawalan ke atas penjualan alkohol sekiranya premis perniagaan tersebut mematuhi Undang- Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian

Sehubungan dengan itu, tindakan ke atas kedai serbaneka 24 jam yang menjual arak secara bebas adalah tertakluk kepada Akta 235 dan Akta 176 di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

MASZ

NO.AUM : 24

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

**DARIPADA DATO' LISAN MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [
KUALA NERUS]**

TARIKH 14 APRIL 2010

RUJUKAN 2481

SOALAN

**Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah mereka
(warganegara) yang ditahan atau tidak dibenarkan ke luar negara
setakat ini dan sejauh mana keberkesanan langkah tersebut terhadap
kepentingan negara.**

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana warganegara Malaysia yang ditahan atau tidak dibenarkan ke luar negara adalah merupakan individu yang didapati melakukan kesalahan di bawah perundangan Malaysia yang memerlukan mereka berada di dalam negara sehingga kes/ hukuman mereka selesai. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah agensi yang bertanggungjawab menyenarai hitamkan mana-mana individu sama ada warganegara Malaysia mahupun warganegara asing yang melakukan kesalahan berdasarkan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Pasport 1966 dan lain-lain perundangan semasa Malaysia yang terpakai. Senarai syak atau senarai hitam adalah senarai nama dan butiran orang-orang yang perlu dirujuk kepada pihak berkuasa tertentu sebelum kemudahan imigresen diberikan.

Sehingga Februari 2010, jumlah warganegara Malaysia yang telah di senarai hitam oleh JIM dan masih aktif adalah seramai 262,464 ribu orang. Maklumat perangkaan ini adalah terkumpul dan mengikut status aktif bermula dari tarikh ia dimasukkan ke dalam Sistem Imigresen Malaysia.

Ahli Yang Berhormat, tindakan Kerajaan untuk menahan mana-mana warganegara yang telah melakukan kesalahan berdasarkan

perundangan semasa Malaysia adalah wajar dari sudut kepentingan dan keselamatan Negara. Keberkesanan mekanisme ini dapat diukur dari pelbagai aspek seperti berikut:

- (i) mekanisme ini berkesan dalam mencegah warganegara yang mempunyai rekod jenayah/ kesalahan daripada melarikan diri daripada ke luar negara;
- (ii) tanpa elemen pencegahan, golongan ini akan mengabaikan tindakan hukumannya dan berpotensi mengulangi kesalahannya di luar negara. Selain itu, berkemungkinan mereka akan ditolak kemasukan di pintu-pintu masuk antarabangsa khusus bagi mereka yang mempunyai rekod jenayah. Ringkasnya, penolakan kemasukan, penangkapan dan penghantaran pulang warganegara Malaysia yang mempunyai rekod dan latar belakang jenayah akan memberi kesan kepada imej, kredibiliti dan kepentingan negara;
- (iii) tindakan ini juga adalah satu bentuk mesej dan punitif kepada warganegara Malaysia agar lebih patuh dan tidak berkompromi dengan perundangan negara.

Penahanan warganegara daripada ke luar negara melalui tindakan menyenarai hitam bukan sahaja untuk memelihara individu tersebut daripada sebarang permasalahan yang mungkin berlaku di luar negara tetapi bagi memastikan impak akibat kejadian yang menimpa warganegara itu tidak akan menjaskan kepentingan Malaysia di

Soalan No : 53

mata dunia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN
(JEMPOL)**

TARIKH

14.04.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) berapakah jumlah rumah guru di seluruh negara; dan
- (b) berapakah jumlah guru-guru yang digunakan untuk mengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Sepanjang RMKe-8 dan RMKe-9, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membina sebanyak 23,521 unit rumah guru di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, pecahan unit rumah yang dibina adalah seperti berikut;

Semenanjung Malaysia	17,035 unit
Sabah	1,121 unit
Sarawak	5,365 unit
JUMLAH	23,521 unit

Soalan No : 55

- b) Jumlah guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah adalah seperti butiran berikut:

Sekolah Rendah		Bilangan
	Lelaki	70,771
	Perempuan	159,965
	Jumlah	230,736
Sekolah Menengah	Lelaki	55,746
	Perempuan	119,431
	Jumlah	175,177
JUMLAH BESAR		405,913

Rjm 120

Ad":-**SJ.B/(125)**

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA**TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)****PERTANYAAN :** **LISAN****TARIKH : 14.04.2010 Mo : BA-**

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir (Ketereh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah peruntukan pembangunan dari Kerajaan pusat yang telah disalur dan dilaksanakan oleh Kerajaan negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak semenjak tahun 2005 hingga 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, siling peruntukan pembangunan yang diperuntukkan untuk dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan Persekutuan di negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak bagi tempoh RMKe-9 (2006 hingga 2010) adalah seperti berikut

NEGERI	SILING PROJEK RMKe-9 (RM JUTA)
Kelantan	5,992.7
Terengganu	7,535.2
Sabah	20,460.7
Sarawak	15,981.7

2. Jumlah tersebut adalah tidak termasuk pemberian geran daripada Kerajaan Persekutuan kepada negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan dan Undang-undang lain seperti berikut

NEGERI/ TAHUN	PEMBERIAN (RM JUTA)				JUMLAH
	2006	2007	2008	2009	
Kelantan	210.0	234.1	203.7	288.3	936.1
Terengganu	153.3	205.2	213.8	240.1	812.3
Sabah	423.1	636.3	723.6	701.0	2,483.9
Sarawak	311.6	602.9	661.5	720.5	2,296.5

SOALAN NO : 55

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]

RABU, 14 APRIL 2010

TARIKH

15 [PR-1231-L36128]

RUJUKAN

LISAN

SOALAN

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI WILAYAH

PERSEKUTUAN DAN

KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan apakah status cadangan pembinaan sebuah jambatan menghubungkan Labuan dan Sabah seperitimana turut disuarakan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, pada masa ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS), sebagai pihak yang dilantik untuk mengetuai Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) Pembinaan Jambatan Dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Sabah telah mengemukakan draf laporan akhir kepada pihak Kementerian pada 19 Mac 2010 untuk penelitian dan semakan secara terperinci bersama-sama agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar juga perlu mendapatkan ulasan dan pandangan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah bagi memastikan lokasi cadangan pembinaan jambatan berkenaan, sekiranya dilaksanakan oleh pihak Kerajaan akan memberi keuntungan secara bersama kepada Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Kerajaan Negeri Sabah.

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA YB TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)

TARIKH 14 APRIL 2010

SOALAN YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan untuk Menteri KPI dan YAB Perdana Menteri sendiri serta jumlah perbelanjaan terperinci untuk Kerajaan menetapkan pelan dan kempen transformasi Kerajaan.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

No. SOALAN: 56

Sebagai pemangkin gagasan “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, Program Transformasi Kerajaan atau Government Transformation Programme (GTP) bertujuan untuk menghasilkan pembaharuan atau transformasi jentera kerajaan supaya dapat menangani pelbagai cabaran, menjanakan inovasi pengurusan, meningkat kecekapan, keutuhan dan integriti sistem penyampaian dan mendatangkan hasil atau impak yang besar dan berkesan bagi memanfaat rakyat jelata. GTP dilaksanakan dengan menggunakan kaedah Makmal atau “Lab” dan kaedah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang merupakan dua kaedah pengurusan prestasi korporat yang terbukti berkesan dan berjaya diterimakan oleh kerajaan-kerajaan di negara-negara maju seperti Britain, Australia dan Kanada.

Untuk memberi fokus kepada pelaksanaan GTP, sebuah agensi pusat (*central agency*) yang baru di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah ditubuhkan mulai September 2009 dan dinamakan sebagai Unit Pelaksanaan Pengurusan Prestasi atau *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU). Berdasarkan gagasan 1 Malaysia dan maklumbalas daripada rakyat, Jemaah Menteri yang dipandu oleh YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Results Areas* (NKRA) seperti yang telah diumumkan. Makmal-maklaml bagai NKRA telah dilaksanakan oleh PEMANDU, pameran mengenai GTP diadakan dan GTP dilancarkan pada penghujung Januari 2010.

Dalam konteks ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang ditugaskan untuk portfolio Pengurusan Prestasi memegang jawatan Pengerusi PEMANDU. Fungsi-fungsi beliau termasuklah menggubal dan merancang strategi pelaksanaan pengurusan prestasi, memandu pasukan pakarunding untuk memperkenalkan konsep dan kaedah baru kepada para anggota Jemaah Menteri untuk mengenalpasti dan menetapkan NKRA-NKRA yang diperlukan. Timbalan Pengerusi merangkap Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PEMANDU pula bertanggungjawab terhadap fungsi-fungsi eksekutif harian secara teliti, terutamanya dalam memimpin dan memandu pengurusan makmal-makmal, program latihan bagi para pegawai kementerian dan agensi yang terlibat dan sebagainya. Beliau telah dilantik sebagai seorang Menteri dalam JPM supaya beliau dapat menyertai perbincangan dalam mesyuarat Jemaah Menteri kerana kerja beliau melibatkan penyelarasian antara menteri-menteri, di samping berkongsi pengalaman beliau dalam sektor korporat.

Oleh itu, *Key Results Areas* (KRA) dan KPI-KPI bagi Menteri berportfolio pengurusan prestasi berdasarkan kepada prestasi PEMANDU dan Ketua Pegawai Eksekutifnya. Di samping itu, menteri yang berkenaan juga dipertanggungjawabkan untuk memimpin, memandu atau memantau beberapa jabatan dan unit di bawah JPM yang mempunyai perkaitan dengan GTP dan masing-masing mempunyai KRA-KRA dan KPI-KPI yang spesifik, iaitu Biro Pengaduan Awam (BPA), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah. Beliau juga bertanggungjawab terhadap

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang menguruskan program Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, program integrasi nasional dan sebagainya. Maka, KPI beliau juga bergantung kepada KRA-KRA dan KPI-KPI bagi agensi-agensi tersebut.

Bagi Perdana Menteri pula, KRA dan KPI beliau merangkumi keupayaan beliau dalam memimpin, mengurus, memandu dan menilai prestasi kerajaan persekutuan pada keseluruhannya. Secara spesifiknya, pelaksanaan gagasan 1 Malaysia dan enam (6) NKRA serta Model Ekonomi Baru atau New Economic Model (NEM) merupakan salah satu tanggungjawab utama beliau kerana beliau sendiri mencetuskan dan menerajui inisiatif-inisiatif penting ini. Di samping itu, KPI beliau juga merangkumi prestasi empat (4) orang Menteri dalam JPM serta KPI kesemuanya 7 suruhanjaya, 4 agensi pusat, 46 jabatan dan 4 badan berkanun di bawah JPM.

Jumlah kos untuk memulakan proses GTP sejak penubuhan PEMANDU pada 1 September 2009 sehingga 31 Januari 2010, (iaitu, tiga (3) hari selepas pelancaran GTP Roadmap pada 28 Januari 2010) ialah RM 49.2 juta. Jumlah ini termasuk kos pentadbiran yang merangkumi emolumen para penjawat serta pengubahsuaian ruang pejabat baru dan pembelian alat-alatan bagi PEMANDU sebanyak RM 2.3 juta; kos untuk menjalankan makmal-makmal dan bengkel-bengkel selama enam (6) minggu, termasuk kos pakarunding, di lingkungan RM 15.7 juta; kos pameran GTP Roadmap di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu dan pelancaran GTP Roadmap, termasuk semua kos perkhidmatan, pentadbiran dan pengiklanan, sebanyak hampir RM 11.3 juta, serta kos perkhidmatan pakarunding dan profesional pada keseluruhannya sebanyak RM 19.9 juta. Paras kos ini, khasnya kos pakarunding, dianggap munasabah berbanding dengan paras kos antarabangsa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN LISAN
DARIPADAY.B. TUAN GOBID SINGH DEO
(PUCHONG)**

TARIKH 14.04.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBID SINGH DEO [PUCHONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kerajaan setuju dengan memulakan pelajaran berkenaan 'sex education' sebagai satu mata pelajaran dan cadangan-cadangan khususnya untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pemuda-pemudi berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, *Sex Education* dikenal sebagai Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan di sekolah rendah pada 1994. Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial diajar khasnya melalui kurikulum mata pelajaran Pendidikan Kesihatan dan juga secara merentas kurikulum pelbagai mata pelajaran seperti bahasa, Biologi, Sains, Sains Tambahan, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproductif dan Sosial, peranan dan penglibatan ibu bapa amat penting dalam membantu guru. Sikap

keterbukaan ibu bapa dalam membincangkan hal-hal berkaitan seksualiti dengan anak-anak mereka sendiri dan sokongan mereka serta pihak-pihak tertentu kepada guru secara tidak langsung dapat membantu keberkesanan kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial di sekolah.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) juga boleh memainkan peranan penting dalam menambah tahap kesedaran dan pengetahuan berkaitan seksualiti. Ibu bapa boleh diberi garis panduan yang mudah difahami dan sesuai untuk mengurangkan sensitiviti yang mengiringi isu seksualiti supaya ia diterima sebagai hakikat serta proses semula jadi yang perlu dilihat dalam perspektif tepat dan sihat.

Rjm 122

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

TARIKH : 14 April 2010

SOALAN : *j&T*

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah kos yang telah dibelanjakan untuk

menyelenggara jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah sejak tahun 2004 hingga 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, skop program jalan luar bandar tidak melibatkan kerja penyelenggaraan jalan tetapi hanya kerja naiktaraf dan bina baru. Sejak tahun 2004 hingga 2009, sejumlah RM769,682,843.12 telah dibelanjakan bagi membiayai sepanjang 254.39 km (37 projek)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	PE RT AN YA AN	JAWAB LISAN
TARIKH		TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)
		14.04.2010

NO SOALAN **59**

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah benar rakyat menikmati 'subsidi' minyak sebanyak 30 sen seperti yang diwarkan oleh Kerajaan. Dan berdasarkan kepada analisa harga petrol di Malaysia, apakah benar sehingga kini, rakyat masih lagi membeli petrol dengan harga 'premium' (melebihi daripada harga pasaran semasa) dan bukannya harga subsidi (minus-30 cents).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penentuan harga runcit produk petroleum di Malaysia ditentukan melalui kaedah *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Kaedah ini telah diguna pakai sejak tahun 1983. Melalui APM, Kerajaan akan menetapkan harga runcit pada satu paras tertentu di mana perubahan kos produk tidak akan mengubah harga runcit.

Perbezaan antara harga runcit dengan harga sebenar akan ditampung oleh subsidi dan pengecualian cukai jualan.

Bagi memastikan harga produk petroleum tidak dinaikkan secara mendadak, Kerajaan akan mengikuti perkembangan pasaran harga produk kos setiap masa dan kadar tukaran matawang untuk menetapkan harga runcit petrol dan diesel. Berdasarkan kaedah ini, Kerajaan akan menaikkan harga runcit petrol dan diesel apabila kos produk naik di paras di mana Kerajaan mengecualikan semua cukai jualan dan menghabiskan subsidi 30 sen seliter.

Untuk makluman sidang dewan, berdasarkan kepada pengiraan di bawah kaedah ini, harga runcit sebenar bagi diesel untuk bulan Februari 2010 adalah RM2.42 seliter. Manakala harga runcit sebenar petrol RON95 dan RON97 termasuk cukai jualan yang sepatutnya dikenakan untuk tempoh yang sama, masing-masing adalah RM2.77 seliter dan RM2.80 seliter. Walau bagaimanapun, untuk tidak membebankan rakyat, harga runcit diesel ditetapkan pada RM1.70 seliter bagi diesel dan RM1.80 seliter bagi petrol RON95 serta RM2.05 seliter bagi petrol RON97. Oleh yang demikian, dakwaan yang menyatakan rakyat membeli petrol dengan harga melebihi harga pasaran semasa adalah tidak benar.

Dalam usaha untuk mengekalkan harga runcit petrol dan diesel pada harga semasa, Kerajaan telah menanggung subsidi sebanyak RM5.3 billion iaitu RM3.4 billion bagi petrol dan RM1.9 billion bagi diesel pada tahun 2009.

NO SOALAN 62)

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

DARIPADA

TUAN MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA

[PARIT BUNTAR]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 14 APRIL 2010

Dr Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha yang dilakukan terhadap tanggapan sesetengah pihak yang menyatakan Mahkamah Syariah lemah dan ada usaha untuk mengembalikan semangat Artikel 121 kepada asalnya dengan membuang pindaan 121(A).

JAWAPAN: Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penyusunan semula mahkamah-mahkamah Syariah seluruh Malaysia berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Julai, 1996 telah mengukuhkan kedudukan mahkamah syariah sebagai institusi kehakiman Islam di negara ini. Pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah seluruh negeri-negeri telah dapat diselaras dan diseragamkan dengan Penubuhan JKSM pada 1 Mac, 1998.

Banyak faedah yang telah diperolehi oleh Mahkamah Syariah dengan tertubuhnya JKSM seperti berikut:-

- a) penstrukturran semula organisasi yang diselaraskan Penstrukturran semula organisasi dan pewujudan jawatan abaru telah membantu mahkamah bagi melaksanakan pentadbiran mahkamah dan pengurusan kes dengan lebih berkesan berdasarkan kepada keperluan dan perkembangan semasa**
- b) pengurusan Pentadbiran Mahkamah Syariah juga telah dapat diseragamkan melalui Arahan Amalan dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah dan pemantauan juga dibuat dari masa ke semasa. Kebanyakan Mahkamah Syariah juga telah berjaya memperoleh Sijil pengiktirafan ISO 9001**
- c) Mahkamah Syariah juga telah berjaya menggalakkan penyelesaian pertikaian secara damai melalui proses Sulh dengan menggunakan peruntukan sergam dan norma perjawatan pegawai sulu yang diselaraskan. Dengan terlaksananya proses ini tempoh penyelesaian bagi satu-satu kes yang didaftarkan dapat disingkatkan.**
- d) Pada bulan Oktober, 2008 juga JKSM telah berjaya menujuhkan Badan Sokongan Keluarga (BSK) bagi memperkasakan perintah-perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. BSK telah mendapat sokongan kerajaan dalam penyediaan dana dan dapat mengurangkan beban bagi bekas isteri/ibu tunggal dari aspek nafkah. Bagi merealisasikan misi dan visi BSK, pegawai- pegawai telah ditempatkan ke semua negeri dengan emolumen mereka dibiayai oleh**

kerajaan persekutuan

- e) Bagi negeri-negeri yang menyertai skim Perkhidmatan Gunasama Am Persekutuan Pegawai Syariah amat perjawatan di Mahakmah-Mahkamah Syariah diisi oleh Kerajaan Persekutuan
- f) Perkembangan era informasi dan teknologi maklumat melaui esyariah dapat diselaraskan ke seluruh negara bagi pengurusan kes-kes untuk kemudahan pelanggan
- g) Peruntukan perundangan di negeri-negeri juga telah ditambahbaik dan diseragamkan

Martabat Mahkamah Syariah kini telah ditingkatkan. Bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah telah dinyatakan secara khusus di dalam Artikel 121(A) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut juga telah menjadikan pengurusan kes di Mahkamah Syariah semakin kukuh dan mantap.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA : DATO'SERI HAJI AZMI BIN KHALID

[PADANG BESAR]

TARIKH 14 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sama ada Kerajaan masih mempunyai dasar "Cradle to Grave" bagi memastikan syarikat-syarikat pengeluar dan pembekal bahan-bahan "toxic" elektronik patuh kepada satu strategi jangka panjang yang terancang agar bahan-bahan merbahaya ini tidak terus mencemarkan alam sekitar di negara ini.

NO. SOALAN: 61

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih mengekalkan dasar “Cradle to Grave” dalam mengawal pengurusan buangan terjadual di Malaysia termasuk buangan barang elektrik dan elektronik yang luput hayatnya yang dikenali sebagai “e-waste” daripada pengeluar dan pembekal barang elektrik dan elektronik.

Strategi Kementerian dalam pengurusan e-waste adalah sepetimana termaktub dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Peraturan ini memperuntukkan untuk pemerolehan kembali e-waste seboleh mungkin. E-waste yang tiada nilai komersial perlu dilupuskan di tapak/premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA
ANYAAN

PE
RT

LISAN

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN

TARIKH

14.04.2010

(Lip,5)

SOALAN:

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan tahunan yang diberikan kepada kokurikulum badan beruniform seperti KRS, Kadet Polis, Kadet Tentera, Pengakap dan Pandu Puteri untuk melaksanakan aktiviti mereka di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) prihatin dengan keperluan untuk menyediakan kemudahan dan pembangunan infrstruktur yang bersesuaian untuk membangunkan modal insan dengan lebih berkesan. Justeru, KPM menyediakan pelbagai jenis peruntukan untuk bantuan pendidikan termasuklah Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK) dan Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform (BPS). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM59 juta telah diperuntukkan untuk BKK dan RM59.7 juta untuk BPS bagi membantu murid mengikuti aktiviti kokurikulum dengan berkesan dan melancarkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah.

SOALAN NOi-65-**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN****RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN****DARIPADA : YBTAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN****IBRAHIM (PKR) (BANDAR TUN RAZAK)****TARIKH 14 APRIL 2010 (RABU)****SOALAN**

YB Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim (PKR) (Bandar Tun Razak) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan Kerajaan Pusat banyak menyalurkan peruntukan kepada agensi dan badan bukan kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja masyarakat dan kebajikan. Apakah langkah keselamatan bagi memastikan peruntukan yang diuruskan dengan telus dan bertanggungjawab dan tidak seleweng untuk kegunaan kepentingan peribadi badan NGO itu sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyalurkan peruntukan bantuan geran kepadabidan-badan bukankerajaan (NGO) yang layak serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Badan-badan ini berperanan sebagai pelengkap dan penggenap kepada program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi-agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Pemberian geran ini juga merupakan pengiktirafan dan sokongan Kementerian kepada NGO berkaitan serta bertujuan memperkasakan perkhidmatan sosial di negara ini. Melalui penyaluran bantuan geran ini, ia dapat menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam program dan aktiviti khidmat kebajikan serta pembangunan masyarakat secara lebih aktif.

Pada masa ini terdapat tujuh (7) jenis peruntukan geran yang disediakan oleh Kementerian khusus kepada NGO-NGO untuk melaksanakan program dan aktiviti kebajikan dan pembangunan masyarakat iaitu:

- i. Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan;
- ii. Geran Pentadbiran;
- iii. Geran Penyelenggaraan;
- iv. Geran Emolumen Gaji Guru;
- v. Geran Perkapita;
- vi. Geran Pembaikan Institusi PSK; dan
- vii. Geran Elaun Khas Kanak-Kanak OKU.

Bagi memastikan peruntukan geran ini diuruskan secara telus dan selamat, Kementerian melaksanakan langkah-langkah berikut:

1. Garis Panduan Pemberian Peruntukan Kepada NGO

Kementerian menyediakan Garis Panduan Pemberian Peruntukan Kepada NGO sebagai instrumen pertama dalam membuat saringan terhadap permohonan oleh NGO. Antara syarat utama yang ditetapkan ialah NGO perlu mengemukakan salinan sijil pendaftaran yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pendaftar Pertubuhan sebagai bukti pendaftaran NGO berkaitan.

Melalui Garis Panduan ini, hanya permohonan daripada NGO yang memenuhi syarat

kelayakan serta berkeupayaan untuk melaksanakan program pembangunan sosial sahaja akan dipertimbangkan. Syarat lain ialah cadangan program mestilah menepati bidang keutamaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dari semasa ke semasa.

Surat Setuju Terima dan Surat Perjanjian

Kementerian mensyaratkan setiap NGO yang diluluskan peruntukan geran wajib menandatangani Surat Setuju Terima dan Surat Perjanjian yang menjelaskan antara lain tanggungjawab NGO dalam membelanjakan peruntukan yang diluluskan mengikut terma perjanjian yang dipersetujui bersama. Surat perjanjian ini juga menggariskan obligasi NGO kepada Kementerian, hak Kementerian memantau program yang diluluskan dan kuasa menamatkan perjanjian.

Pembukaan Akaun Khas

Sebagai langkah keselamatan, setiap NGO yang diluluskan peruntukan geran **diwajibkan** membuka satu akaun bank yang khusus bagi tujuan melaksanakan program tersebut. Akaun ini akan dipantau oleh pegawai-pegawai di agensi-agensi Kementerian di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah.

Naziran Program oleh Wakil Kementerian

Naziran secara rawak dijalankan oleh Kementerian dari semasa ke semasa ke atas NGO tertentu. Selain itu, naziran turut dijalankan ke atas NGO yang gagal memberikan maklumbalas setelah notis tunjuk sebab dikemukakan oleh Kementerian.

Melalui naziran, Kementerian akan menyemak dan merekod dokumen-dokumen berkaitan program seperti baucar pembayaran, nota penceramah dan penyata akaun.

5. Pemantauan Program oleh Wakil Kementerian

NGO yang menerima bantuan geran perlu membenarkan Kementerian pada

bila-bila masa untuk menjalankan pemantauan terhadap program yang dilaksanakan. Pendekatan ini dapat membantu Kementerian memantau penggunaan peruntukan yang diluluskan agar tidak tersasar daripada syarat dan terma perjanjian yang telah ditandatangani.

Bagi peruntukan geran yang diluluskan kepada NGO dalam kategori Pertubuhan Sukarela Kebajikan pula, seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat akan dilantik sebagai, dengan izin, ‘*ex officio*’ di dalam NGO berkenaan. Ini adalah bagi memastikan peruntukan dibelanjakan mengikut terma perjanjian yang dipersetujui bersama.

6. Laporan Pelaksanaan Program

Kementerian mewajibkan NGO yang diluluskan peruntukan geran mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program selesai dijalankan.

Laporan ini antara lain mengandungi maklumat pelaksanaan program seperti butiran peserta yang hadir, jumlah peruntukan digunakan serta salinan asal resit perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana NGO yang menerima bantuan geran dari Kementerian yang gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan termasuk menyenarai hitamkan NGO berkenaan serta menarik balik peruntukan geran yang telah diluluskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

NO.SOALAN : fet ε4

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin

(Bukit Gantang)

TARIKH 14 April 2010 (Rabu)

SOALAN

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan kementerian untuk memastikan Wasi terhadap amaun yang disimpan (contoh KWSP) melaksanakan tanggungjawab secara adil agar tidak berlaku kezaliman kepada waris yang lain.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan mengambil contoh kepada KWSP, Wasi yang dimaksudkan adalah “Penama Perseorangan” yang dipilih dan dilantik sendiri oleh pencarum KWSP berlandaskan peruntukan Undang-undang yang berkenaan.

Dari pengamatan, Penama Perseorangan tersebut akan menerima deposit atau simpanan selepas kematian pencarum. Pada ketika ini, tidak wujud sebarang sistem yang memungkinkan Kementerian memastikan Penama Perseorangan berkenaan melaksanakan tanggungjawab secara adil demi mencegah penyelewengan dan ketidakadilan. Namun sekiranya penyelewengan dan ketidakadilan itu benar-benar wujud dan disedari oleh waris-waris yang lain, mereka berhak mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah bagi mendapatkan semula hak mereka.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN:65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM

SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]

TARIKH 14 APRIL 2010

SOALAN

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendapatan di antara pihak polis dan tentera setanding atau adanya perbezaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ MENTERI

DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat perbezaan jumlah pendapatan di antara perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Perbezaan ini adalah kerana skop fungsi dan bidang tugas serta keunikan perkhidmatan masing-masing.

NO. SOALAN:65

Perbandingan Pendapatan Di Antara Perkhidmatan ATM Dan PDRM Berdasarkan Pangkat Yang Setara.

Pangkat		Gaji (RM)		Imbuhan Tetap Khidmat Tentera/Polis (RM)		Imbuhan Tetap Perumahan (RM)		Jumlah Pendapatan (RM)	
ATM	PDRM	ATM	PDRM	ATM	PDRM	ATM	PDRM	ATM	PDRM
Pribet	Konst	1006.04	897.00	115.00	115.00	275.00	275.00	1396.04	1287.00
Left. Muda	Sarjan	1527.50	1513.62	160.00	160.00	420.00	275.00	2107.50	1948.62
Kapten	Inspektor	2134.38	2060.28	300.00	300.00	450.00	420.00	2884.38	2780.28

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

NO SOALAN : 66
DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR

BIN HAJI SALLEH (KALABAKAN)

TARIKH

14 APRIL 2010 (Selasa)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]
minta PERDANA MENTERI menyatakan dalam Rancangan Malaysia ke-9 berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2009, dan berapakah baki peruntukan yang belum dibelanjakan.

JAWAPAN

Kerajaan telah menyediakan siling peruntukan bagi RMK-9 sebanyak RM230.0 biiion bagi melaksanakan 26,823 projek. Sehingga 31 Disember 2009, sebanyak RM168.7 biiion (73.4%) telah dibelanjakan. Baki siling peruntukan yang masih belum dibelanjakan adalah sebanyak RM61.3 biiion.

SOALAN NO : 67
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **PUAN SITI Z AIL AH BINTI MOHD.YUSOFF**
 [RANTAU PAN JANG]
TARIKH **14 APRIL 2010**
SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd.Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa masih berlaku masalah bekalan ubat tidak mencukupi di hospital-hospital daerah, apa punca dan langkah-langkah mengatasinya bagi membuktikan kerajaan mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2010, keseluruhan peruntukan Kementerian Kesihatan Malaysia juga mengalami penurunan yang sama seperti lain-lain Kementerian. Peruntukan ubat yang telah diterima sehingga Mac 2010 adalah RM 1,186 juta, iaitu penurunan sebanyak 15.4% berbanding jumlah peruntukan ubat tahun 2009. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia akan memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan untuk penyampaian penjagaan kesihatan rakyat.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga sentiasa memantau rapi kedudukan kewangan setiap negeri supaya agihan peruntukan selaras dengan keperluan terkini. Sehubungan itu, perolehan ubat dibuat berdasarkan kepada pemantauan berterusan terhadap kedudukan stok dan keperluan semasa. Sekiranya terjadi gangguan bekalan ubat atau peningkatan keperluan yang berubah, beberapa langkah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan ubat seperti berikut:

1. Mendapatkan bekalan ubat yang diperlukan dari sumber lain seperti pembekal alternatif atau mendapatkan bekalan dari fasiliti kesihatan yang masih ada stok.
2. Menggantikan rawatan sedia ada dengan ubat yang mempunyai kesan yang sama.

Semakan peruntukan dibuat secara berkala dan sekiranya ada keperluan, agihan semula peruntukan akan dibuat bagi menampung keperluan tersebut. Pendekatan yang diambil adalah dengan mengutamakan penyampaian perkhidmatan rawatan kepada pesakit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**BAGI JAWAB LISAN
DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED
JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]**

TARIKH

14 APRIL 2010

SOALAN

74

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan samada:-

- (a) 'automated enforcement system (AES)' yang akan dilaksanakan dengan cara 'outsourcing' akan ditentukan melalui proses tender terbuka selaras dengan keputusan Kerajaan.: dan
- (b) Apakah teknologi yang akan diguna pakai untuk tujuan tersebut adalah teknologi terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kerajaan telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan bagi menguatkuasakan *Automated Enforcement System (AES)*. Bagi pelaksanaan sistem ini Kerajaan telah mengkaji beberapa sistem sedia ada di luar negara dan telah mengenalpasti beberapa sistem antaranya adalah penguatkuasaan melalui sistem Radar, *Laser Piezo Strip*, *Inductive Loop Detector* dan gabungan antara *Piezo Strip* dan *Loop Detector*. Kesemua teknologi ini telah pun digunakan secara meluas di merata dunia.

Bagi tujuan pelaksanaan AES di negara ini, Kerajaan telah menjemput sembilan buah syarikat untuk menyertai tender terhad berdasarkan hasil lawatan dan hasil penilaian teknologi tersebut untuk mengemukakan dokumen cadangan teknikal sistem AES. Walau bagaimanapun, pada 5 Disember 2006 hanya tujuh buah syarikat sahaja yang mengemukakan dokumen cadangan tersebut kepada Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan Yang Dipertua,

- (b) Seterusnya, satu *live demo* telah dijalankan pada 17 Jun 2007 sehingga 24 Julai 2007 bagi membolehkan kesemua syarikat tersebut membuktikan prestasi sebenar (*actual performance*) sistem yang ditawarkan. Melalui *live demo* ini, pihak Kerajaan telah menguji kesemua teknologi yang dicadangkan oleh syarikat dan hasilnya Kerajaan mendapati bahawa gabungan sistem *Piezo Strip* dan *Inductive Loop Detector* telah melepassi tahap penilaian sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	14 April 2010 [Rabu]
DARIPADA	Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu]

SOALAN:

YB Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta

PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Tabling Haji supaya kos menunaikan Haji yang ditanggung oleh penyimpan kekal stabil.

JAWAPAN : (YB MejarJeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang Dipertua,

Lembaga Tabung Haji (*TH*) akan terus mengekalkan fungsinya untuk menyediakan kemudahan tabungan kepada umat Islam untuk mencukupkan perbelanjaan bagi menunaikan fardhu haji. Ini adalah fungsi hakiki *TH* sejak ditubuhkan. Melalui tabungan yang terancang, para pendeposit akan menikmati pulangan setiap tahun dalam bentuk bonus yang dapat membantu mempercepatkan pengumpulan jumlah yang diperlukan menunaikan haji.

Kos menunaikan fardhu haji pula adalah terdiri daripada beberapa komponen. Dua komponen terbesar ialah tambang kapal terbang dan sewa Bangunan Penginapan Jemaah Haji (BPJH). Kedua-dua komponen ini terdiri daripada hampir 90% kos menunaikan haji dan di luar kawalan langsung *TH*. Walau bagaimana pun selagi boleh, *TH* akan berusaha untuk meminimumkan kesan kenaikan kos ini jika terjadi. Apapun, sebagai satu tuntutan ibadah haji, hanya mereka yang berkemampuan sahaja yang wajib menunaikan fardhu haji.

Sekian, terima kasih

SOALAN(70)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

TARIKH 14 APRIL 2010 (RABU)

DARIPADA Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA)

SOALAN

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah beliau berhak mengarahkan kain rentang ucapan Thaipusam oleh Kerajaan Negeri Selangor diturunkan pada 29 Januari 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan kain rentang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Undang-Undang Kecil Iklan (UUK). UUK ini menetapkan tatacara proses permohonan lesen iklan, syarat-syarat yang perlu dipatuhi serta tindakan yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas pihak yang melanggar syarat. PBT boleh memohon kepada Mahkamah satu perintah untuk menurunkan terus mana-mana iklan yang dipamerkan tanpa lesen atau yang melanggari mana-mana UUK ini. UUK ini turut menetapkan tatacara proses permohonan lesen iklan, syarat-syarat yang perlu dipatuhi serta tindakan yang boleh diambil oleh PBT ke atas pihak yang melanggar syarat.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

April 2010

